


**Jilid I
Bil. 42**



**Hari Selasa
8hb Julai, 1975**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 4685]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 4744]

USUL-USUL:

Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951—

Pindaan kepada Jadual Ketiga [Ruangan 4746]

Pindaan kepada Jadual Pertama [Ruangan 4764]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 4777]

Anggaran Pembangunan Tambahan (1973, 1974 dan 1975) [Ruangan 4769]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1973, 1974 dan 1975) [Ruangan 4766]

UCAPAN-UCAPAN TANGGUHAN:

Perpustakaan di Kawasan Perkampungan [Ruangan 4777]

Kematian Lim Seng Ching dan Siow Kon Fatt di Balai Polis [Ruangan 4778]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Selasa, 8hb Julai, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabohan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K. DATUK SRI PADUKA RAJA (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., TENGKU SRI MARA RAJA (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

Yang Berhormat Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

Yang Berhormat PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (ROSEMARY CHONG) (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH LING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

Yang Berhormat DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).

- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beras).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).

Yang Berhormat TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).

- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR
BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ DATUK ENGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.S. (Tumpat).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI
ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

L.L.N. MEMOTONG PEMBEKALAN LETRIK

1. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan:

- (a) mengapa L.L.N. membuat keputusan memotong pembekalan letrik tanpa mengeluarkan notis terlebih dahulu jika sesuatu bil tidak dijelaskan dalam tempoh seminggu;
- (b) samada Kementerian sedar tindakan ini telah menyebabkan kesusahan kepada pengguna-pengguna dan menggagalkan fungsi sosial yang dimainkan oleh L.L.N.; dan
- (c) samada L.L.N. ialah sebuah perbadanan yang mencari keuntungan.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut kaedah Letrik Bekalan Lembaga, 1949, L.L.N. mempunyai kuasa untuk memotong bekalan apabila pengguna gagal menjelaskan bayaran bil-bil dalam tempoh tujuh hari dan peringatan tentang perkara ini sebenarnya dinyatakan pada semua bil yang dihantar kepada pengguna-pengguna.

Walau bagaimanapun, memandang kesulitan yang mungkin berlaku kepada pengguna-pengguna akibat dari pelaksanaan ketat undang-undang ini, Lembaga tidak pernah menjalankan kuasa ini pada masa yang lalu. Sebaliknya semua pengguna-pengguna yang tidak memenuhi kehendak peraturan ini adalah diberi peringatan terakhir selepas 21 hari bil diserahkan dan bekalan hanya dipotong sekiranya bil tersebut masih tidak juga dijelaskan selepas tempoh 26 hari. Lembaga menganggap bahawa perkara ini adalah adil memandang kepada hakikat bahawa pengguna-pengguna adalah dikehendaki

mengadakan wang cagaran (deposit) sebanyak dua bulan penggunaan tenaga letrik yang dianggarkan.

Walau bagaimanapun, jumlah wang cagaran ini adalah tertakluk kepada penyemakan semula dari semasa ke semasa dan dalam hubungan ini sekiranya jumlah penggunaan selama dua bulan itu didapati melebihi jumlah wang cagaran yang dibayar, maka pengguna-pengguna yang berkenaan adalah diminta menambahkan bayaran wang cagaran mereka. Jika mereka gagal berbuat demikian baharulah mereka tertakluk kepada syarat ketat yang memerlukan pembayaran bil dalam tempoh tujuh hari itu dan mereka diberitahu bahawa bekalan mereka boleh dipotong tanpa sebarang notis lagi.

Dalam masa kebelakangan ini Lembaga sebagai percubaan telah menghentikan kelaziman menghantar peringatan terakhir selepas 21 hari itu kepada pengguna-pengguna di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, kerana didapati bahawa kebanyakan pengguna-pengguna di kawasan tersebut merupakan pengguna-pengguna yang tidak melengkapkan pembayaran bil-bil letrik mereka.

- (b) Oleh kerana langkah ini merupakan satu langkah percubaan sahaja adalah agak terlalu awal untuk memastikan samada ia akan mengakibatkan kesulitan kepada pengguna-pengguna. Perkara ini akan disemak semula sebaik L.L.N. dapat mengkaji reaksi pengguna-pengguna dengan saksama. Setakat ini didapati bahawa langkah ini adalah diterima dengan baik oleh pengguna-pengguna pada keseluruhannya. Percubaan ini tidak sama sekali bertujuan untuk menenggelamkan fungsi sosial Lembaga Letrik Negara.
- (c) L.L.N. bukanlah semata-mata ujud untuk mencari keuntungan. Bagaimanapun, mengikut Akta Letrik, 1949 adalah menjadi tugas Lembaga sebagai sebuah pertubuhan yang memberi perkhidmatan kepada orang ramai untuk menentukan yang hasilnya setelah diselesaikan semua perbelanjaan termasuk susutan dan bunga atas pokok digunakan untuk membiayai sebahagian dari rancangan pembangunan pokoknya bagi

memenuhi keperluan kuasa letrik yang kian bertambah di negara ini. Kadar-kadar perkembangan yang tinggi dalam bidang bekalan letrik dan menggunakan banyak modal ini memerlukan penggunaan hampir semua baki hasilnya bagi membiayai Rancangan Pembangunan Pokok.

STOK PENIMBAL GETAH ASLI ANTARABANGSA

2. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) kejayaan yang dicapai setakat ini dalam menubuhkan rancangan Stok Penimbal Getah Asli Antarabangsa yang dicadangkan itu dan nyatakan perkembangannya sehingga sekarang; dan
- (b) samada pembelian getah Malaysia oleh negeri China pada masa sekarang dibuat melalui orang tengah, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi membolehkan negeri China membeli getah terus dari Pasaran Getah Malaysia.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semenjak saya mengumumkan cadangan Sekim Stok Penimbal Getah Antarabangsa, saya telah mengadakan lawatan ke negara-negara pengeluar dan pengeksport getah asli iaitu Indonesia, Thailand, Singapura dan Sri Lanka dan membincangkan dengan Menteri-menteri dan pegawai-pegawai yang berkenaan di sana mengenai cadangan itu. Berasas kepada cadangan Kerajaan Indonesia satu mesyuarat di Peringkat Pakar telah diadakan antara 3 negara pengeluar getah asli ASEAN iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand bagi membincangkan dengan lebih mendalam Sekim tersebut. Di dalam bulan Mac 1975 yang lalu, satu mesyuarat Pakarpakar Negara-negara tersebut telah diadakan di Kuala Lumpur. Mesyuarat telah bersetuju mencadangkan Pelancaran Sekim Stok Penimbal Getah bersama dengan "Skim Merasionalkan Bekalan" dalam usaha menstabilkan harga getah. Pakar-pakar tersebut juga

telah bersetuju supaya cadangan itu diperluaskan ke negara-negara pengeluar getah asli amnya dan negara-negara ahli Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) khasnya.

Hasil dari persetujuan tersebut, satu mesyuarat Jawatankuasa Pakar-pakar di bawah naungan ANRPC telah diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Mei, 1975 dan mesyuarat tersebut telah menerima syor-syor mesyuarat Pakarpakar Negara Pengeluar Getah Asli utama ASEAN yang diadakan dalam bulan Mac yang lalu disamping cadangan-cadangan yang didapati akan lebih memberi kesan-kesan kejayaan rancangan tersebut.

Mesyuarat tersebut juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kecil bagi menyiapkan deraf Perjanjian Penstabilan Harga Getah Antarabangsa. Jawatankuasa Kecil yang terdiri dari Negara-negara Ahli ANRPC telapun mengadakan mesyuarat pertamanya di Jakarta dari 11hb hingga 13hb Jun, 1975 yang lalu. Mesyuarat tersebut telah meneliti dengan mendalam deraf Perjanjian Penstabilan Harga Getah Antarabangsa itu berdasarkan kepada persetujuan-persetujuan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pakar Negara-negara Pengeluar Getah Asli. Mesyuarat seterusnya akan diadakan di Kuala Lumpur tidak berapa lama lagi. Deraf terakhir akan dibentangkan di mesyuarat Jawatankuasa Kerja Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli dan seterusnya kepada Perhimpunan ANRPC peringkat Menteri kelak.

Sungguhpun saya berpuashati dengan kejayaan yang dicapai setakat ini dalam usaha menubuhkan rancangan Sekim Penstabilan Harga Getah Antarabangsa tersebut, saya sukalah mengambil kesempatan di sini menegaskan iaitu kajian yang teliti yang berperingkat-peringkat adalah perlu bagi menentukan yang sekim ini dapat memberi munafaat yang berkesan kepada semua pihak apabila dilaksanakan kelak.

Berhubung dengan pembelian getah Malaysia oleh negeri China, pada masa ini, Kerajaan China membeli getah Malaysia melalui pembekal-pembekal tradisional dan juga melalui PERNAS—MARDEC.

Matlamat Kerajaan ialah supaya negeri China dapat menambahkan pembelian secara langsung getahnya dari Malaysia. Baru-baru ini satu rombongan perdagangan getah telah melawat negara tersebut. Rombongan tersebut telah menggalakkan Kerajaan China membuat kontrak jangka panjang dalam pembelian getah secara terus dengan organisasi-organisasi getah Kerajaan Malaysia seperti PERNAS—MARDEC, FELDA dan juga dengan pihak swasta lainnya. Rombongan tersebut telah mencapai kejayaan dari segi perdagangan getah antara Malaysia dan China. Kerajaan China telah bersetuju menubuhkan cawangan Perbadanan Kebangsaannya (National Corporation) di Kuala Lumpur atau satu unit pembelian getah di bawah Bahagian Perdagangan di Kedutaannya yang bertanggungjawab dalam pembelian getah asli secara langsung. Disamping itu, Perbadanan Kebangsaan di China telah diundang untuk menjadi "Associate Member" dalam Pasaran Getah Malaysia (Malaysian Rubber Exchange).

Mengenai kontrak jangka panjang, Malaysia telah menakutkan negara China yang kita berupaya mengeluarkan getah asli yang bermutu tinggi dengan kuantiti yang cukup untuk memenuhi keperluannya dengan harga yang berpatutan. Dalam hubungan ini, kita juga telah menawarkan menjual getah dalam bentuk susu, jenis RSS dan juga SMR. Pihak China telah bersetuju membeli kira-kira 40,000 tan getah Malaysia dari berbagai-bagai jenis untuk beberapa bulan akan datang.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang diketahui tujuan utama penubuhan Setok Penimbal Getah Antarabangsa ialah untuk menstabilkan harga getah pada peringkat antarabangsa atau di pasaran dunia. Adakah kestabilan harga getah dalam negeri ini bergantung 100 peratus kepada keadaan kesetabilan harga di Pasaran Dunia itu ataupun ada juga faktor-faktor dalam negeri sendiri seperti permainan peniaga-peniaga getah tempatan dan lain-lain faktor.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, turun naiknya harga getah asli di pasaran antarabangsa ialah disebabkan oleh beberapa faktor yang begitu kompleks tetapi faktor-faktor ini termasuklah faktor-faktor yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri apakah reaksi daripada consumer-consumer getah, khasnya daripada Amerika Syarikat dan lain-lain negeri Eropah berkenaan dengan International Natural Rubber Buffer Stock. Adakah mereka bersetuju atau tidak?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya telah melawat negara-negara pengguna getah di Eropah dan di sana saya telah mendapat sambutan yang baik dari segi Sekim Stok Penimbal yang dicadangkan oleh Malaysia dan diterima oleh ahli-ahli ANRPC setakat ini. Dari segi pengguna-pengguna getah dari Amerika Syarikat, saya belum dapat meninjau dengan teliti atas reaksi mereka, tetapi berasas kepada pertemuan pertemuan saya dengan mereka yang ada hubungan dengan penggunaan getah dari Amerika Syarikat, perjumpaan saya di Eropah dan di Malaysia sendiri nampaknya Sekim Stok Penimbal ini juga disambut baik oleh segala pihak-pihak yang berkenaan, termasuklah kalau kita kaji dari segi rencana-rencana yang ditulis di dalam beberapa majallah yang terkemuka di dalam Amerika Syarikat sendiri.

Dr Chen Man Hin: Di dalam International Natural Rubber Buffer Stock berapakah percentage daripada negara Thai, Indonesia dan Malaysia dan lain-lain negeri yang ada mengeluarkan getah asli.

Datuk Musa Hitam: Saya tidak dengar, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Chen Man Hin: Berkenaan dengan International Natural Rubber Buffer Stock yang dicadangkan ini berapakah percentage atau sumbangan daripada negara Indonesia, negara Thai dan lain-lain negara yang mengeluarkan getah asli.

Datuk Musa Hitam: Kalau percentage yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu berhubung dengan Sekim Stok Penimbal sendiri, saya minta maaf tidak dapat menjelaskan sekarang oleh sebab soal ini sedang dikaji bersama-sama oleh anggota-anggota yang akan melancarkan sekim ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Menteri yang berkenaan menyatakan kita ada menghantar rombongan ke Republik Rakyat China dan dapat sambutan yang baik. Adakah beliau sedar baru-baru ini negeri Thai telahpun mengadakan perhubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China dan Republik Rakyat China telahpun berjanji akan membeli getah asli daripada negeri Thai. Ini bermakna kita jangan berharap boleh menjual semua getah yang dikehendaki oleh Republik Rakyat China, sebab ada negeri lain pun boleh dan ada menjual getah asli kepada Republik Rakyat China dan kita mesti sentiasa mengambil segala tindakan untuk mencari pasaran luar negeri terhadap getah asli.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kaji dari segi penggunaan getah asli oleh negara Republik Rakyat China dapatlah kita pastikan bahawa penggunaan getah negara itu sangat banyak hinggan pada masa-masa yang lepas pun Republik Rakyat China telahpun membeli getah daripada negara Thai selain daripada membeli getah daripada negara kita sendiri.

Jadi, dari segi ini saya fikir tidak payahlah kita takut atas janji-janji yang dibuat oleh Negara Republik Rakyat China apabila kita melawat negaranya dahulu, terutama sekali dari segi 40,000 tan yang dijanjikan akan dibeli daripada kita pada masa yang akan datang. Dan dari segi jangka panjang, saya fikir pasaran getah di Negara China ini ada tempatnya untuk kita mendapat pasaran yang begitu luas yang akan dapat menggunakan getah yang boleh kita keluarkan daripada negara kita sendiri.

Dari segi mencari pasaran yang lain daripada Negara Republik Rakyat China, saya fikir soal ini telahpun diberitahu dan dihebahkan beberapa kali iaitu pihak Kementerian saya melalui ejensi-ejensi yang berkenaan akan tetap menjalankan dan meneruskan pencarian pasaran-pasaran baharu, termasuklah pasaran-pasaran di negara-negara sosialis ataupun negara-negara di Eropah Timur dan juga negara-negara yang sedang membangun seperti negara Asia Barat.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar iaitu kebanyakan kedai-kedai

menjual getah asli dalam negeri kita tidak puas hati berkenaan dengan langkah-langkah yang telah diambil, sebab banyak penjual-penjual itu takut dan dapat seruan Kerajaan paksa penjual-penjual adakan stockpile yang mereka tidak mampu menyimpan di kedainya.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, soal ini telahpun saya sendiri bincangkan dengan anggota-anggota persatuan perniagaan-perniagaan getah asli di dalam pertemuan saya dengan wakil-wakil mereka di Kementerian saya, dan saya memang sedar atas soal ini dan apa-apa juga langkah yang difikirkan berpatutan sedang dikaji dan akan diambil, tetapi haruslah saya tegaskan di sini bahawa pada keseluruhannya mereka ini nampaknya telahpun memberi kerjasama yang penuh yang menyebabkan sekim menstabilkan harga getah dalam negara kita ini telah berjaya setakat ini.

PEJABAT IMIGERESEN—BORANG PASPOT ANTARABANGSA

3. Tuan Chiang Heng Kai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa orang ramai di tempat-tempat yang tidak mempunyai Pejabat Imigresen sukar untuk mendapat borang-borang untuk memohon paspot antarabangsa; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi kerumitan ini;
- (b) samada beliau sedar bahawa Wakil-wakil Rakyat hanya diberi borang-borang yang sedikit sahaja oleh Pejabat-pejabat Imigresen dan jika ya, samada beliau akan mengarahkan kakitangan Pejabat Imigresen membekalkan lebih banyak borang-borang kepada Wakil-wakil Rakyat supaya mereka dapat berkhidmat kepada orang ramai dengan lebih berkesan; dan
- (c) samada beliau sedar bahawa kebanyakan pemohon untuk paspot antarabangsa sukar mendapat orang yang berpangkat sebagai penyokong; jika ya, samada Kementerian beliau akan menimbang untuk membatalkan sistem yang ditinggalkan oleh penjajah British ini untuk menghina orang-orang dari golongan bawah.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) tiap-tiap negeri di negara kita ada pejabat Imigresen, oleh itu tidaklah sukar bagi orang-orang yang hendak memohon paspot antarabangsa untuk mendapatkan borang yang berkenaan dari Pejabat Imigresen yang berhampiran dengan tempat mereka tinggal. Jika mereka tidak dapat datang dengan sendiri, pemohon-pemohon boleh menulis surat untuk memohon borang itu daripada Pejabat Imigresen. Dan saya rasa kalau ada kemahuan hendak keluar negeri tidaklah berat untuk pergi sendiri mengambil borang itu.
- (b) sekiranya hampir habis borang-borang di tangan Wakil Rakyat silalah berhubung dengan pejabat.
- (c) saya tidak percaya bahawa pemohon paspot sukar mendapat penyokong kerana di antara mereka yang diterima menjadi penyokong termasuklah Wakil Rakyat sendiri dan JP-JP. Oleh itu, saya tidak nampak mengapa orang-orang yang hendak memohon paspot antarabangsa tidak boleh mendapatkan sokong Wakil Rakyat di kawasan mereka sendiri. Saya tidak berpendapat peraturan itu perlu dibatalkan atau dilonggarkan kerana peraturan ini boleh membantu Jabatan Imigresen menentukan bahawa pemohon paspot itu adalah orang yang layak memegang paspot. Dengan adanya penyokong yang betul-betul kenal pun pada masa ini kita masih dapat walaupun bilangannya kecil orang-orang menyalahgunakan paspot mereka apatah lagi kalau paspot dikeluarkan dengan sewenang-wenangnya.

Semalam soalan No. 8, Tuan Yang di-Pertua, soal itu telah memberi ingatan kepada saya supaya syarat-syarat ini mesti diperketatkan.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan saya (c), saya dapat tahu dari rakyat jelata, bahawa ada orang yang berpangkat mengambil peluang ini mengutip wang untuk tandatangan sebagai penyokong. Oleh sebab itu, apakah tindakan Kerajaan telah dan akan ambil untuk mencegah dan menghapuskan perkara ini berlaku.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, ini ialah satu perkara jenayah atau perkara rasuah yang mesti dilaporkan. Kalau tidak dilaporkan tidaklah tahu. Tetapi bilangan orang yang boleh; pemohon-pemohon berjumpa meminta bantuan dalam hal ini, umpamanya, Jaksa Pendamai, Pengamal Perubatan, Pengamal Undang-undang, Perkhidmatan Civil yang terkemuka dalam Bahagian I, pegawai bank—banyak bilangan yang boleh orang itu pergi berjumpa.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Yang Berhormat Menteri samada beliau sedar bahawa Pejabat Imigresen di Kuala Lumpur tidak ada cukup kakitangan untuk menjalankan kerja dan samada Kementeriananya akan mengambil langkah untuk mengatasi masaalah ini?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soalan asal berkenaan borang, bukan soal kakitangan cukup atau tidak cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai jawapan Yang Berhormat Menteri dalam bahagian (c) sungguhpun Yang Berhormat Menteri berkata beliau tidak tahu bahawa orang-orang bawahan atau orang miskin susah untuk mendapatkan penyokong barangkali beliau tidak mesra dengan orang ramai. Adakah beliau boleh menimbangkan untuk memudahkan prosedur untuk memohon paspot seperti setiap warganegara boleh mendapat kad pengenalan atau lain-lain paspot, selain daripada golongan-golongan atau mereka yang Kerajaan ada sebab tidak mahu beri paspot. Sesiapapun boleh mendapat paspot dengan tidak payah ada penyokong. Oleh kerana peraturan-peraturan berkehendakkan penyokong-penyokong itu bukan sahaja mewujudkan satu parasitic class di mana ada JP dan orang-orang yang berpangkat mengutip wang, tetapi orang miskin, orang biasa susah mencari orang berpangkat untuk jadi penyokong, maka mudahkan prosedur itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya tadi bercakap bukan saya tidak tahu, saya tidak percaya—itu lain. Perkara ini susah kerana kalau orang itu hendak minta paspot keluar negeri lainlah soalnya daripada orang yang hendak minta surat registration kad pengenalan. Kerana kalau dia

sudah sanggup hendak keluar negeri tentulah dia boleh cari penyokong-penyokong yang betul. Wakil Rakyat sendiri, bahkan Yang Berhormat sendiri boleh membantu hal ini. Ini soal orang yang minta paspot keluar negeri.

Tuan Lim Kit Siang: Saya dan rakan-rakan saya selalu rela dan sanggup memberi bantuan kepada orang-orang yang memohon paspot. Apabila dipandang orang yang ada kelayakan menyokong itu bukan sahaja berpangkat, tetapi mesti kenal orang itu. Orang ramai, kita tahu tentulah satu ratio yang sangat besar dan sangat sukar untuk orang biasa hendak mendapatkan paspot. Soalan saya ialah bolehkah Kerajaan menimbangkan untuk mengatasi soalan yang disebutkan dalam perenggan (c) memudahkan procedure iaitu membatalkan peraturan itu dan siapa-siapa pun boleh meminta dan dapat paspot, selain daripada mereka di mana barangkali Kerajaan ada satu black list tidak mahu beri oleh kerana ada terlibat dengan dadah dan lain-lain hal.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah jawab soalan ini. Semalam sudah diberi ingat eloklah diperketatkan lagi. Jadi, saya tidaklah hendak membuat satu peraturan baik mengetatkan atau melonggarkan hal ini kerana kita rasa keadaan yang ada pada masa ini cukup wajar.

DADAH DISELUDUPKAN KELUAR NEGERI

4. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan:

- (a) samada Kerajaan telah berjaya menghapuskan ejen dadah di negeri ini yang bertanggungjawab tentang penyeludupan dadah keluar negeri sehingga merosakkan nama baik Malaysia; dan
- (b) apakah hukuman yang telah dikenakan kepada apa yang dikatakan jutawan yang mengendalikan kerja ini.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bolehlah diumumkan bahawa Kerajaan kita telah berjaya mengambil tindakan terhadap orang-orang dan sindikit-sindikit menyeludup dadah ke luar

negeri. Hasil dari kezaman kita seramai dua puluh satu orang ejen dan pelari dadah telah baru-baru ini dapat ditangkap di luar negeri telah dihukum, dan jumlah dadah yang besar dirampas. Dalam satu gerakan yang dilakukan baru-baru ini terhadap orang-orang dan sindikit-sindikit yang melari dadah ke seberang laut seramai tiga puluh satu orang telah ditangkap dan ditahan. Setakat yang diketahui tindakan ini telah melumpuhkan penyeludupan-penyeludupan dadah di seberang laut. Pihak Biro Narkotik dan pihak Polis akan mengawasi jika ada tumbuhnya sindikit-sindikit baru atau orang-orang yang cuba menjadi kaya dengan cepat secara menyeludup dadah.

- (b) Kerajaan tidak tahu jika ada orang-orang jutawan yang bertanggungjawab atas kegiatan ini. Kerajaan kita akan mengambil tindakan yang sekerasnya terhadap mereka yang didapati menyeludup dadah, dengan cara hendak menguatkan enforcement dan juga yang mana mustahak meminda undang-undang. Kita hendak katakan jutawan, tidak dapat tahu, tetapi kita semua tahu perniagaan dadah ini sememangnya lumayan dan lcas kaya jikalau tidak kena tangkap. Hal ini cuma ada seorang sahaja yang masih belum ditangkap kerana mereka itu dapat lari melepaskan diri ke luar negeri dan kita masih menunggu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut soalan (a) tadi ialah berkenaan dengan ejen-ejen yang menyeludup dadah ke luar negeri. Setakat ini saya nampak banyak juga pengedar-pengedar dadah yang menjalankan kerjanya di dalam negeri ini, oleh pihak yang mahu cepat kaya di dalam negeri ini. Saya ingin mengetahui tentang tindakan yang diambil terhadap ejen-ejen tersebut.

Yang kedua, hukuman yang berat yang dikenakan ke atas ejen-ejen itu sehingga ini yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, ada dua cara. Ejen-ejen ini apabila kita tangkap, bagi pengedar-pengedar dadah khasnya heroin dan morphine jika sekiranya ada bukti dan keterangan (evidence) yang terang, maka kita hadapkan mereka ke

mahkamah, dan sekiranya saya sendiri berpuas hati yang mereka itu betul-betul pengedar atau pengimpot dadah, saya akan beri consent atau persetujuan saya supaya mereka itu dituduh di bawah seksyen yang boleh di hukum penjara seumur hidup atau hukum gantung. Setakat ini saya sudah menandatangani atau memberi persetujuan ke atas 5 orang yang kesnya sedang dan akan dibicarakan. Sekiranya kita tahu mereka itu ejen atau importer, tetapi tidak ada keterangan langsung dan kita tahu sahaja daripada ejen, daripada orang dalam seorangpun tidak memberi keterangan, maka mustahil mereka itu boleh dibawa ke mahkamah, kerana tidak ada keterangan. Maka mereka itulah yang saya kata ditangkap dan ditahan di bawah Undang-undang Keselamatan. Itu caranya langkah yang telah diambil.

Tuan Haji Embong bin Yahya: Soalan tambahan. Saya suka hendak mengetahui pandangan dari Yang Berhormat Menteri adakah pengedar dadah semata-mata mencari keuntungan dan kekayaan seperti yang dinyatakan tadi ataupun ada kaitan dari segi politik untuk merosakkan jenerasi muda kita pada masa yang akan datang supaya menjadi orang muda yang tidak berguna atau lumpuh jasmani dan rohaninya, kerana seperti yang kita tahu bahawa ada anak-anak sekolah kita terlibat dengan dadah padahal budak-budak ini tidak mampu hendak membeli dadah dengan harga yang mahal. Ibu-bapa mereka tentu tidak memberi duit untuk membeli dadah. Tetapi bagaimana dadah terlepas ke tangan mereka itu. Boleh jadi juga pengedar ini memberi dengan percuma tanpa menghiraukan kerugian mereka. Boleh jadi mereka menyediakan berpuluh-puluh juta untuk melumpuhkan anak-anak muda kita pada masa yang akan datang. Saya harap dapat sedikit penjelasan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, tujuannya boleh dikatakan yang kita tahu ialah untuk mencari keuntungan. Tetapi akibatnya sememang betul boleh merosakkan negara dan merosakkan masyarakat. Tetapi tujuan yang terang dan nyata dengan sebab segi politik tidak ada keterangan. Tetapi akibatnya sama. Seperti yang saya dapat terangkan di sini, tetapi tentang bagaimana dadah-dadah dan ganja-ganja itu anak-anak sekolah dapat bukanlah daripada jutawan-jutawan ini. Yang ditangkap, guru-guru sendiri pun ada, orang kampung pun

ada, ibu-bapa pun bersama hendak dapat keuntungan yang baru saya tangkap ini. Itulah sebabnya ibu-bapa sendiri hendaklah jaga anak-anak itu. Bukanlah jutawan yang merosakkan budak-budak sekolah ini.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan. Mengenai taukeh-taukeh dadah yang lari ke luar negeri ini, adakah kita semata-mata hendak tunggu dia pulang sahaja ataupun pihak Kerajaan ada cadangan untuk merampas hartanya atau sekurang-kurangnya hendak menggantung hak milik hartanya?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, baru saya katakan tadi, yang keluar tadi kita tidak dapat tangkap, kerana sudah berlepas dengan kapal terbang. Mereka telah ditangkap di Belgium dan Austria dan telah dijel di sana. Lepas itu dia balik kembali dan kita tunggu pula. Tidak boleh dua kali dihukum. Kalau dia buat sekali lagi di sini baru kita hukum. Tetapi kita sudah kenal nama-nama mereka itu kerana pegawai saya telah pergi ke luar negeri menyiasat dan mengambil segala riwayat hidup tiap-tiap seorang daripada mereka yang telah ditangkap dan dihukum di luar negeri.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Selain daripada ejen-ejen dan pusher-pusher yang telah ditangkap, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini berapa big time operators yang telah ditangkap selain daripada yang disebut telah lari daripada negara ini? Sekiranya ada berapa orang pembesar-pembesar yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi di mana Kerajaan tahu, tetapi tidak ada bukti dan mustahil untuk mengambil tindakan, telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, yang saya tahu seorang pembesar pun tidak ada. Taukeh-taukeh China banyak yang ditangkap (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Berapa orang yang sudah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya telah sebutkan tadi, banyak yang ditahan, orang besar tidak ada. Ahli Yang Berhormat belum ada lagi. (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Dari seramai 21 orang adakah kesemua ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri atau dihukum di bawah Drug Offences Act?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: 21 orang yang telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Yang lain ditangkap dan dihukum oleh mahkamah. Yang tidak ada keterangan tadi, yang kita tahu ada evidence atau keterangan yang dia penyeludup, tetapi kita tidak cukup lagi evidence, itulah kita tahan. Mereka itu bukan jutawan, tetapi kaya-kaya orangnya. Kebanyakannya dari negeri Perak.

DADAH DI KALANGAN MUDA-MUDI

5. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan:

- (a) samada benar bahawa, sebagaimana yang telah disebut oleh beliau baru-baru ini, ada kuasa-kuasa luar yang sedang menggalakkan pengedaran dan penagihan dadah di kalangan muda mudi kita; jika ya, negara atau pihak manakah yang dimaksudkan; dan
- (b) langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) saya ingin menyatakan di sini bahawa saya tidak pernah membuat kenyataan adanya satu-satu kuasa luar negeri (foreign power) yang sedang menggalakkan pengedaran dan penagih dadah di kalangan muda-mudi kita. Setakat pengetahuan saya, dari Kerajaan juga, tidak ada risikan yang menunjukkan adanya sebarang kuasa luar terlibat dalam masalah dadah di dalam negeri ini. Sungguhpun kita tahu candu, morphine, heroin dan baru-baru ini ganja pun ada dibawa masuk dari luar negeri ke dalam negeri kita. Tetapi bukti kuasa luar bekerjasama atau memasukkan perkara ini tidak ada.
- (b) Dengan tidak ada terlibatnya kuasa-kuasa atau negeri-negeri luar, soalan ini tidak timbul.

RISDA—PENYELEWENGAN KEPADA PEKEBUN KECIL GETAH

6. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Perusahaan Utama menjelaskan tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh beliau mengenai sebahagian pegawai-pegawai RISDA melakukan rasuah dan nyatakan tindakan-tindakan tegas yang diambil oleh beliau bagi menghapuskan amalan rasuah di kalangan pegawai-pegawai RISDA.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, pada 8-6-1975 saya telah mendedahkan beberapa penyelewengan yang telah berlaku di dalam usaha-usaha Kerajaan membantu pekebun-pekebun kecil getah. Di dalam ucapan pendedahan itu saya telahpun menghuraikan satu-persatu penyelewengan-penyelewengan ini serta langkah-langkah tegas yang telah dan akan diambil untuk mencegah berlakunya penyelewengan-penyelewengan sebegini pada masa-masa yang akan datang. Cara berlakunya kecurangan dan penyelewengan-penyelewengan ini adalah seperti berikut:

- (i) Sindikit-sindikit yang bergerak diketuai oleh orang-orang berada, dan ada juga berkelulusan undang-undang yang menipu helah orang-orang kampung supaya nama-nama mereka itu dapat digunakan dengan bayaran dan janji-janji yang mengecewakan dengan tujuan supaya anggota-anggota sindikit itu sendiri yang dapat menikmati bantuan-bantuan yang patutnya tiba ke tangan pekebun-pekebun kecil yang digunakan oleh mereka itu.
- (ii) Sindikit-sindikit penipuan terdiri daripada kontrekter-kontrekter atau ejennya yang menyalahgunakan Surat Wakil Kuasa untuk mendapatkan kuasa menerima pembayaran-pembayaran, tetapi dengan membuat kerja-kerja kontrek yang tidak sempurna atau, dengan tidak membuat kerja langsung oleh sebab tanah-tanah yang dipohon bantuan tanam semula itu sebenarnya tidak berhak mendapat bantuan. Perbuatan-perbuatan ini terjadi dengan kerjasama beberapa orang Pegawai yang tidak bertanggungjawab.
- (iii) Berlanjutan daripada cara penipuan seperti di atas, ada juga berlaku pemberian bantuan anak-anak getah yang buruk mutunya hingga pada masa ini

pun telah ada pokok-pokok getah yang tidak berapa lama dahulu telah menerima bantuan tanaman semula tetapi pokok-pokok ini bantut dan tidak mampu lagi mengeluarkan getah walaupun masih muda umurnya.

- (iv) Bantuan baja tidak digunakan dengan tujuan sebenarnya oleh beberapa sebab. Ada yang dijual oleh si penerima sendiri. Ada yang tidak tiba ke tangan pekebun-pekebun kecil atau ada juga yang tidak keluar langsung daripada stor dan terbiar.

Dengan terbongkarnya kecurangan-kecurangan dan penyelewengan-penyelewengan tadi, maka saya telahpun mengambil beberapa langkah tegas. Setelah dikaji soal-soal ini pada keseluruhannya, langkah-langkah yang telah dan akan diambil ialah:

- (i) Saya telahpun memberitahu Kerajaan mengenai satu kes penyelewengan memberi bantuan tanaman semula dan tindakan-tindakan sedang diambil untuk membatalkan segala bantuan tanam semula yang mana pemohon-pemohon tidak berhak menerimanya. Siasatan-siasatan lanjut sedang dijalankan supaya sesiapa yang bersalah didakwa di mahkamah.
- (ii) Pihak BSN diminta menumpukan siasatan-siasatan dan bertindak dengan kebebasan penuh—diberi “blank cheque”—atas sesiapa juga yang disyak dari peringkat setinggi-tingginya ke serendah-rendah peringkat pegawai RISDA atau pegawai-pegawai Kerajaan lain. Beberapa siasatan telahpun berhasil dengan tangkapan dan kes-kesnya dibawa ke Mahkamah.
- (iii) Pihak Pengerusi RISDA sendiri telahpun diarah mengambil tindakan-tindakan disiplin dan pentadbiran supaya mengelak kemungkinan berterusnya terjadi perkara-perkara buruk yang telah dialami dahulu.
- (iv) Pihak RISDA telahpun menubuhkan suatu Bahagian Inspectorate dan Penilaian untuk sentiasa mengawasi pentadbiran-pentadbirannya. Walaupun Inspectorate ini terdiri daripada pegawai-pegawai RISDA, pegawai-pegawai ini tidak tetap dan ditukar mengikut jadual-jadual kepada Bahagian-bahagian lain

supaya mengelak mereka sendiri menjadi mangsa buruk akibat lama kekal dalam jawatan di Bahagian Inspectorate itu sendiri.

- (v) Pihak Kementerian dengan kerjasama RISDA sedang mengkaji keperluan-keperluan meminda Undang-undang yang ada sekarang supaya kelemahan-kelemahan yang didapati berasas kepada pengalaman-pengalaman yang lepas akan dapat diatasi.

Jelaslah di sini bahawa tidaklah benar kalau dikatakan yang sebahagian pegawai-pegawai RISDA sahaja melakukan penyelewengan-penyelewengan ini. Bahkan penyelewengan-penyelewengan ini telah berlaku semenjak urusan-urusan pekebun-pekebun kecil dikelolakan oleh Lembaga Perusahaan Getah Tanam Semula iaitu sebelum RISDA sendiri ditubuhkan lebih kurang 3 tahun dahulu. Sayugia juga dimaklumkan bahawa salah satu daripada tujuan RISDA ditubuhkan adalah bagi mencegah perkara sebegini berlaku. Saya sendiri merasa bangga bahawa pendedahan yang dibuat itu adalah hasil dari maklumat-maklumat yang diberi oleh pegawai-pegawai RISDA sendiri. Kerjasama daripada Pegawai-pegawai RISDA ini sangatlah menggalakkan dan saya penuh kepercayaan bahawa mereka dengan sendirinya akan dapat memainkan peranan memenuhi hasrat Kerajaan mencegah kejadian-kejadian penyelewengan pada masa-masa akan datang.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan apa yang disebutkan oleh beliau berkenaan kesalahan yang berlaku sebelum RISDA ditubuhkan, dan ada berlaku selepas pertubuhan RISDA. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, mengapakah Kementeriannya menunggu begitu lewat sehingga 4hb June, 1975. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengumumkan kesalahan-kesalahan yang berlaku di RISDA dan di Lembaga Penanam Semula, dan juga adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bukan sahaja empat golongan kesalahan yang disebutkan oleh beliau. Saya berpendapat ada lori keluar dengan membawa baja pergi ke satu tempat, tetapi tidak menurunkan baja dan pusing balik. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengumumkan kepada Dewan ini segala tindakan yang boleh Kementeriannya atau BSN mengambil kepada sesiapa pun yang telah membuat salah?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada bahagian pertama soalan Ahli Yang Berhormat itu, dalam masyarakat kita ini ada banyak kejadian-kejadian yang buruk yang sentiasa berlaku. Tetapi ada yang kita terjumpa, ada yang tidak. Jadi, kena pula pada tempatnya apabila saya menjadi Menteri saya terjumpa perkara ini. Setelah terjumpa d.gali-gali dan dicari-cari dapatlah kita ketahui dengan mendalamnya atas kecurangan-kecurangan yang telah terjadi. Jadi, saya bertanggungjawablah untuk mendedahkannya dan mengambil tindakan-tindakan untuk mengelakkan kejadian sebegini pada masa yang akan datang.

Berhubung dengan soalan yang kedua, saya cuma berharap sahaja bahawa Ahli Yang Berhormat ini sekiranya dapat perkara-perkara ini diketahui olehnya sendiri tolonglah melapurkan kepada pihak-pihak berkenaan termasuklah saya sendiri, ataupun pegawai-pegawai Inspectorate yang telahpun ditubuhkan di pihak RISDA ataupun BSN sendiri. Dengan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat atau daripada rakyat-jelata barulah pihak Kerajaan akan dapat mengetahui kejadian-kejadian begini dan barulah kita dapat mengatasinya.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, dengan keterangan-keterangan yang begitu lanjut yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri menyebutkan jumlah kerugian di dalam penyelewengan yang berlaku di dalam RISDA itu.

Yang keduanya, jika ada di antara orang-orang yang membuat kerja-kerja penyelewengan itu daripada pegawai-pegawai sudahkah mereka yang disyaki digantung daripada jawatannya?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua soalan yang pertama berkenaan dengan jumlah, ini tidaklah dapat saya beri pada masa ini oleh sebab ada beberapa faktor yang berkehendakkan kita membuat siasatan-siasatan yang lebih mendalam, cuma satu-satu sahaja perkara ini dapat dipastikan, tetapi tidaklah dapat saya memberi jawapannya oleh sebab saya tidak dapat mengkajinya pada saat ini.

Berkenaan dengan soalan yang kedua di mana pegawai-pegawai RISDA ada didapati terlibat di dalam perkara ini, tindakan-tindakan disiplin dan pentadbiran sudahpun

diambil, bahkan di mana pegawai-pegawai RISDA yang terlibat di dalam apa jua kejadian menipu dan sebagainya sudahpun ada satu dua orang yang tertangkap.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Menteri yang berkenaan sedar penyelewengan yang disebutkan oleh Menteri timbul oleh sebab ada beberapa pemohon-pemohon bantuan daripada RISDA dikehendaki mengisi dan menggunakan borang yang banyak. Kalau bureaucratic process ini dikurangkan maka kesalahan-kesalahan seperti yang disebutkan oleh Menteri ini boleh dikurangkan juga. Kalau umpamanya si pemohon mesti mengisi 10 borang dan mereka tidak tahu menulis nama pun kalau seperti itu boleh dikurangkan kepada 2 borang umpamanya, maka kesalahan atau peluang untuk mencari wang oleh sesiapa pun boleh dikurangkan.

Datuk Musa Hitam: Itu bukan soalan, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Menteri yang berkenaan mengurangkan langkah-langkah yang terpaksa dibuat oleh si pemohon kalau mereka mahu bantuan daripada RISDA?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, di bawah tindakan yang kelima yang saya sebutkan tadi saya telah menyebutkan bahawa Kementerian sedang mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki soal-soal pentadbiran seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

LESEN-LESEN DITARIK BALIK

7. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan lesen-lesen yang telah ditarik balik daripada perusahaan-perusahaan yang tidak mematuhi Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah kurang jelas dari segi tafsiran makna lesen. Kementerian saya tidak ada mengeluarkan lesen perkilangan untuk syarikat-syarikat perusahaan. Apa yang diberikan ataupun dikeluarkan kepada syarikat-syarikat ialah

kelulusan galakan-galakan pada dasarnya yang terlebih dahulu sahaja untuk menjalankan perusahaan-perusahaan perkilangan dalam mana kelulusan galakan pada dasar ini disahkan dalam tempoh yang tertentu dengan pula pengeluaran sijil (certificate) taraf perintis. Oleh kerana tidak ada peruntukan di dalam Akta Galakan Pelaburan 1968 yang ada sekarang ini untuk melesenkan satu-satu syarikat perkilangan dan oleh itu penarikan balik lesen seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu tidak timbul.

Akta Galakan Pelaburan walau bagaimanapun ada menyediakan peruntukan untuk penarikan balik galakan-galakan (incentives) yang diberikan kepada sesebuah syarikat tersebut kalau syarat-syarat yang dikenakan pada syarikat-syarikat tersebut tidak dipatuhi.

ANGGOTA-ANGGOTA POLIS BERSARA—KESUSAHAN PERUMAHAN

8. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa anggota-anggota Polis yang telah bersara mengalami kesusahan untuk mendapat kemudahan perumahan yang wajar dan nyatakan samada, untuk menghargai jasa baik mereka, Kerajaan akan melaksanakan sekim perumahan yang besar untuk mempertuntukkan rumah-rumah murah kepada anggota-anggota Polis dari pangkat yang rendah yang telah bersara.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, masalaah perumahan bukan sahaja dihadapi oleh anggota-anggota Polis yang bersara, tetapi juga oleh kebanyakan orang-orang awam yang lain. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum rancangan perumahan awam adalah dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri dan pemaju-pemaju perumahan persendirian. Sejajar dengan kaedah ini Kerajaan Pusat telah sentiasa meminta kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri dan pemaju-pemaju perumahan persendirian untuk memberi kemudahan yang istimewa bagi membolehkan anggota-anggota Polis yang telah bersara memiliki rumah sendiri.

Pada anggota-anggota Polis yang masih berkhidmat Kerajaan sentiasa menggalakkan mereka memiliki rumah sendiri dengan cara memberi pinjaman wang daripada Kerajaan

ataupun daripada Syarikat Kerjasama Polis di Raja Malaysia Berhad di mana mereka menjadi anggotanya. Syarikat Kerjasama Polis Di Raja Malaysia Berhad telah mengadakan beberapa rancangan perumahan bagi anggota-anggota Polis yang berpangkat rendah termasuk mata-mata.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Ikhtiar-ikhtiar Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab tentang hal perumahan sangat memuaskan. Oleh kerana sangat kurang rumah-rumah murah dibina untuk orang yang berpendapatan rendah dan Polis-polis yang bersara yang berpangkat rendah sukar mendapat rumah pangsa untuk penghidupannya dan oleh kerana ada perubahan baru-baru ini iaitu 35 tahun sahaja mereka berkhidmat dalam Perkhidmatan Polis, bolehkah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengadakan satu yunit khas untuk mengkaji dengan dalamnya soal perumahan Polis-polis yang berpangkat rendah yang telah bersara dan dengan sendiri atau dengan agensi-agensi, perbadanan-perbadanan berkanun ataupun Kerajaan-kerajaan Negeri mengadakan skim-skim khas untuk mengatasi soalan ini sungguhpun semua bersetuju bahawa itu adalah satu soalan am?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memang ada satu yunit khas bagi menjaga Polis yang telah bersara ini, tetapi untuk mengkaji secara mendalam berkenaan dengan soalan perumahan Polis yang telah bersara ini tidaklah perlu diadakan kerana soal itu mudah sahaja dapat diatasi dengan cara perundingan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, pemaju-pemaju perumahan dan sebagainya. Tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka, Kerajaan melalui Syarikat Kerjasama Polis Di Raja Malaysia Berhad telah menggalakkan rancangan perumahan dengan harapan apabila mereka bersara kelak soal ini tidak timbul.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat bahawa di dalam Syarikat Kerjasama Polis Di Raja Malaysia Berhad yang ada pada hari ini telahpun memulakan satu rancangan atau skim perumahan yang boleh dikatakan dapat mengatasi secara beransur-ansur masalaah perumahan yang akan dihadapi oleh Polis-polis yang akan bersara kelak.

Tuan Chin Hon Ngian: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kesusahan untuk mendapat rumah oleh anggota-anggota Polis berlaku oleh kerana gaji mata-mata masih rendah. Masanya sudah tiba supaya Kerajaan mengkaji semula skim gaji mata-mata supaya gaji mereka dapat dinaikkan kerana mata-mata pada masa mereka berkhidmat tidak dapat peluang untuk menyelamatkan wang kerana itulah mereka tidak ada kebolehan untuk mempunyai rumah-rumah persendirian.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat itu tidak bersangkut-paut langsung dengan pertanyaan yang asal.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa selain daripada langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi soal ini ialah ikhtiar-ikhtiar yang dibuat oleh Syarikat Kerjasama Polis Di Raja Malaysia Berhad. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dari pendapat-pendapat Polis yang berpangkat rendah, dan ini saya dapat daripada perbualan-perbualan dengan mereka bahawa Syarikat Kerjasama Polis Di Raja Malaysia Berhad tidak membantu dan tidak memberi kesan kepada polis-polis yang telah bersara dan yang berpangkat rendah, tetapi berfaedah kepada mereka yang berpangkat tinggi atau ada berpangkat. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan dan memastikan bahawa daripada apa-apa programme atau ikhtiar-ikhtiar Syarikat Kerjasama Polis Di Raja Malaysia Berhad bahawa polis-polis yang berpangkat rendah boleh dapat faedah.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

SIJIL KERAKYATAN MALAYSIA

9. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada bel'au sedar bahawa ada di antara rakyat Malaysia yang tidak lagi tinggal di Malaysia tetapi masih memegang sijil kerakyatan Malaysia, dan jika ya, berapa ramai mereka itu dan berapa lamakah had tempoh seseorang seumpama itu boleh memegang sijil kerakyatan Malaysia sebelum ia dilucutkan kerakyatannya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negara kita ini bukan satu negara yang ber-sistem totalitarian, maka saya tidak dapat mengeluarkan bilangan ramai mereka yang tinggal di luar Malaysia tetapi masih lagi memegang sijil kerakyatan. Tetapi dari segi soalan yang kedua, berapa lamakah had tempoh seseorang seumpama ini boleh memegang sijil kerakyatan sebelum ia dilucutkan kerakyatannya, ini adalah satu peraturan yang dibuat iaitu bagi mereka yang menjadi warganegara dengan cara pendaftaran—bukan by operation of law—atau masuk dan telah berada di luar negara selama tempoh lima tahun terus-menerus dan dalam tempoh itu tidak pula mendaftarkan diri tiap-tiap tahun di Pejabat Consulate Persekutuan menyatakan niatnya hendak mengekalkan kewarganegaraannya, mereka ini boleh dilucutkan. Tetapi hanya kepada mereka iaitu yang mendapat kewarganegaraan lain daripada by operation of law.

TUDM—WANITA SEBAGAI PEMANDU KAPALTERBANG

10. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang hendak melatih kaum wanita menjadi pemandu kapalterbang pejuang dalam Tudm; jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa; dan
- (b) adakah kaum wanita belum mempunyai kebolehan dan kelayakan untuk menjadi pemandu kapalterbang pejuang.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan tidak bercadang hendak menggunakan kaum wanita sebagai pemandu kapalterbang pejuang dalam Tudm kerana latihan dan tugas seorang pemandu kapalterbang pejuang adalah sangat berat. Seseorang pemandu kapalterbang pejuang mestilah berada dalam keadaan bersedia dan sihat untuk bertugas di sepanjang masa. Seperti Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum, kaum wanita ini dari semasa ke semasa menjadi uzur (*Ketawa*) dan dari segi kesihatan kurang layak untuk mengalami tekanan-tekanan yang tinggi (high pressures) yang biasanya dialami oleh pemandu-pemandu kapalterbang pejuang dalam

beberapa manoeuvre yang perlu dijalankan semasa menerbangkan kapalterbang pejuang. Tekanan-tekanan tersebut boleh membahayakan kesihatan mereka serta keselamatan mereka dan kapalterbang yang mereka pandu. Oleh yang demikian, TUDM seperti juga banyak lagi Tentera-tentera Udara di dunia, telah menetapkan untuk menggunakan kaum lelaki sahaja sebagai pemandu kapalterbang pejuang.

GURU-GURU UNTUK AKTIVITI LUAR BILIK

11. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa guru-guru di negara ini diperlukan datang di sebelah petang untuk aktiviti-aktiviti luar bilik darjah selain daripada terpaksa mengajar dalam masa yang panjang di sebelah pagi; dan jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang diambil sekarang untuk mengurangkan tanggungjawab mereka yang berat itu.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ya. Pada pendapat Kementerian Pelajaran, tugas guru-guru untuk aktiviti-aktiviti luar bilik darjah tidak terlalu berat dan tugas-tugas seperti itu adalah sebahagian daripada tanggungjawab seorang guru.

Pihak Kementerian walau bagaimanapun mengawasi tentang perkara ini dan baru-baru ini apabila ada sungutan bahawa Kerja Majlis Sukan Sekolah terlalu berat, Kementerian telah mengarah supaya ini dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 56 adalah diberi di bawah ini).

LALULINTAS DI BANDARAYA KUALA LUMPUR

12. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan bilakah Dewan Bandaraya dan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan akan memperkenalkan

dan melaksanakan syor-syor untuk memperbaiki sistem lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur, dan juga nyatakan syor-syor tersebut.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Kerajaan telah melantik sebuah Syarikat Perunding untuk mengkaji dengan lebih mendalam dan teliti syor-syor bagi pelaksanaan segera yang terkandung dalam Kajian Dasar dan Perancangan Pengangkutan Perbandaran Kuala Lumpur (Urban Transport Policy and Planning Study for Metropolitan Kuala Lumpur). Perunding-perunding ini telah menyediakan laporan permulaan mereka baru-baru ini dan dijangka akan mengemukakan laporan akhir pada bulan Februari 1976. Bagaimanapun, Kerajaan bercadang hendak mempercepatkan lagi proses pelaksanaan supaya beberapa projek dapat dilaksanakan pada akhir tahun ini. Bank Dunia akan diminta untuk memberi bantuan teknik dan kewangan.

Projek-projek yang berikut sedang dikaji bagi pelaksanaan segera :

- (i) Pembinaan jalan-jalanraya baru dan simpang-simpang "Inter-change" di kawasan-kawasan pinggir Bandaraya untuk membolehkan kenderaan-kenderaan terus menerus perjalanannya dengan tidak melalui Pusat Bandaraya. Pembinaan kemudahan-kemudahan ini (dispersal links) adalah perlu akibat pembaikan dan pembesaran lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban dan Kuala Lumpur-Petaling Jaya.
- (ii) Pembinaan "Jalan-jalan Bus" atau "Busways".
- (iii) Pembaikan kepada perkhidmatan pengangkutan awam seperti mengadakan mini bus dan menambahkan lagi lesen-lesen teksi.
- (iv) Langkah-langkah mencermatkan atau mengurangkan penggunaan kereta-kereta persendirian seperti :
 - (a) Menaikkan lagi bayaran letak kereta di Pusat Bandaraya, dan
 - (b) Mengadakan "Area Road Pricing" di kawasan Pusat Bandaraya.
- (v) Pembaikan pergerakan dan kawalan lalulintas di kawasan pusat dan di lain-lain tempat yang tertentu.
- (vi) Pembaikan simpang-simpang (Inter-changes)—15 simpang adalah dicadangkan untuk diperbaiki dengan segera.

LORI PENGANGKUTAN

13. Tuan K. Pathmanaban minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau akan mengenakan peraturan-peraturan bagi lori-lori mengangkut tanah, pasir dan batu bata untuk menutup muatan-muatan ini dengan baik supaya muatan ini tidak berselerak di atas jalanraya menyebabkan pelanggaran dan kerosakan kepada jalanraya dan kenderaan.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Sebenarnya peraturan-peraturan memang sedia ada menghendaki semua lori pengangkutan mengangkut barang-barang angkutannya dengan baik dan teratur, seperti yang ternyata di dalam Rule 92 (1) Motor Vehicles (Construction and Use) Rules, 1959.

Kementerian ini sedar tentang adanya kenderaan-kenderaan yang muatannya kadangkala jatuh berselerak ke jalanraya dan apakala aduan diterima bersabit hal ini, tindakan diambil ke atas lori-lori itu. Tindakan menggiatkan lagi penguatkuasaan ke atas kereta-kereta yang melanggar peraturan ini akan dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

SEKOLAH RENDAH/MENENGAH SWASTA

14. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan samada masih ada lagi sekolah-sekolah rendah dan menengah swasta yang tidak mengikut dasar pelajaran kebangsaan, jika ya, mengapa.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Pada masa ini terdapat 9 buah sekolah-sekolah rendah dan menengah swasta yang tidak terikat dengan dasar Pelajaran Kebangsaan. Sekolah-sekolah berkenaan adalah sekolah-sekolah yang telah diluluskan khas untuk anak-anak pegawai asing yang bertugas di negara ini. Untuk makluman Yang Berhormat mereka yang berkenaan ini tidak menetap di negara ini dan sekolah-sekolah tersebut semata-mata diadakan untuk membuat persediaan bagi muridnya melanjutkan pelajaran di luar negeri, samada di negara asal mereka atau negara-negara lain dimana bapa mereka akan bertugas nanti. Oleh yang demikian, dasar pelajaran kebangsaan tidak semestinya dikenakan terhadap sekolah-sekolah ini.

RELA—KELENGKAPAN SENJATAPI

15. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kementerian beliau sedar bahawa banyak yunit-yunit RELA di kawasan-kawasan perbatasan Semenanjung Malaysia, khususnya di kawasan-kawasan perbatasan Kelantan—Negeri Thai, tidak dilengkapi dengan senjata; jika ya, adakah Kementerian beliau bercadang untuk berbuat demikian, dan bila.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya sedar masih banyak yunit-yunit RELA yang baru ditubuh di kawasan perbatasan Malaysia/Thai yang masih belum diberi senjata. Walau bagaimanapun pihak Kementerian telahpun melengkapi yunit-yunit RELA di Kelantan dengan 1,341 laras senapang patah dan adalah dijangka pada akhir bulan Ogos, 1975 semua yunit-yunit RELA tertentu yang diperlukan untuk dibekal dengan senjata akan mendapat senjata tersebut pada akhir bulan Ogos, 1975 ini.

GULA—KENAIKAN HARGA

16. Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan oleh kerana kenaikan harga gula telah disebabkan terutamanya kekurangan gula dalam dunia, samada Kerajaan akan menimbang melaksanakan langkah-langkah berikut untuk menurunkan harga gula iaitu dengan cara:

- (i) menguntuk lebih banyak tanah untuk penanaman tebu;
- (ii) menggalakkan lagi petani-petani untuk menanam tebu di tanah-tanah yang kosong; dan
- (iii) menggalakkan ramai lagi pengusaha-pengusaha untuk membuka banyak lagi kilang-kilang gula.

Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):

- (i) Tanah adalah di bawah urusan Kerajaan-kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun Kementerian saya telah dan sedang menjalankan kajian untuk menentukan kawasan-kawasan yang sesuai untuk ditanam dengan tebu. Kawasan-kawasan yang telah ditentukan terdapat di Negeri-negeri Perlis, Kedah dan

Negeri Sembilan dan kawasan-kawasan ini sudah pun diusahakan. Kajian sedang dibuat di Negeri-negeri Kelantan, Pahang dan Sabah. Hasil daripada kajian itu akan disampaikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan;

- (ii) Sebelum petani-petani digalakkan menanam tebu untuk perusahaan gula di tanah-tanah yang kosong, adalah perlu dikaji samada tanah-tanah itu sesuai untuk ditanam dengan tanaman itu. Selain daripada kesesuaian tanah, perlu juga diambil perhitungan tentang kedudukan tanah-tanah tersebut kerana jika kawasan-kawasan itu jauh daripada kilang-kilang gula akan timbul pula masalah pemasaran dan pengangkutan.

Lagi pula, bagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, tebu yang ditanam untuk kilang-kilang gula adalah tebu jenis-jenis tertentu.

Tertakluk kepada perkara-perkara seperti di atas kita memangnya menggalakkan petani-petani menanam tebu apabila tanaman mereka itu terjamin dari segi kesesuaian dan pengilangannya.

- (iii) Pembinaan lebih banyak kilang penapis gula tidak semestinya boleh menurunkan harga gula kerana kita masih bergantung kepada pengimpotan gula mentah dalam proses pengilangan gula. Apa yang difikirkan boleh mengatasi masalah ini ialah dengan mengadakan lebih banyak lagi projek-projek gula yang disatukan (integrated) di mana penanaman tebu, pengilangan dan penapisan gula digabungkan. Setakat ini kelulusan telah diberi kepada 5 projek jenis ini, 2 daripadanya telahpun menjalankan pengeluaran. Yang lain masih lagi di dalam berbagai peringkat pelaksanaan.

Walau bagaimanapun pembinaan projek-projek yang disatukan ini pula bergantung kepada adanya tanah dan iklim yang sesuai yang mana keadaan ini tidak begitu sekata di seluruh negara kita. Jika didapati lagi kawasan-kawasan yang sesuai untuk penanaman tebu pihak Kerajaan akan bersedia meluluskan lebih banyak projek yang disatukan bagi memenuhi keperluan dalam negara.

KELAPA KERING—ROSOTAN HARGA

17. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan bagi mengatasi kemerosotan harga kelapa kering di negara ini dan kesulitan-kesulitan yang terpaksa dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil, samada Kerajaan bercadang menetapkan harga minima bagi kelapa kering sebagaimana Kerajaan menetapkan harga padi.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Harga kelapa kering negara kita tertakluk kepada keadaan pasaran dunia bagi minyak kelapa dan lain-lain minyak untuk makanan, kerana lebihkurang 30% daripada minyak kelapa kita adalah dieksport keluar negeri. Dalam tahun 1973, Malaysia telah mengeksport lebihkurang 30,000 tan minyak kelapa. Minyak kelapa kita terpaksa bersaing dengan harga-harga minyak kelapa yang dikeluarkan oleh negara-negara lain.

Walau pun demikian Kerajaan sedang giat meninggikan pendapatan pekebun-pekebun kelapa dengan cara-cara lain. Satu daripadanya ialah mempelbagaikan tanaman di dalam kebun-kebun kelapa itu dengan tanaman selingan seperti koko dan kopi. Selain daripada nasihat-nasihat dan tunjukajar yang diberikan oleh pegawai-pegawai perkembangan, Kerajaan juga memberi bantuan subsidi. Usaha ini akan diperhebatkan lagi dan kemungkinan menambah bantuan subsidi sedang dikaji.

GURU-GURU SEMENTARA

18. Tuan Haji Zakaria bin Ismail minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- jumlah bilangan guru-guru sementara di sekolah-sekolah Kerajaan pada masa sekarang;
- dari jumlah calon-calon yang berjaya dipilih mengikuti kursus latihan perguruan dalam tahun 1974, berapa ramaikah mereka guru-guru sementara; dan
- samada benar bahawa Kerajaan memberikan keutamaan kepada guru-guru sementara untuk mengikuti kursus-kursus latihan perguruan.

Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Satu kajian selidik (survey) bagi guru-guru sementara sedang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran sekarang ini dengan tujuan untuk mengetahui bukan saja jumlah bilangan guru sementara bahkan juga untuk mendapatkan segala butir-butir penuh mengenai pengalaman mengajar, kelayakan akademik, kelulusan Bahasa Malaysia dan sebagainya. Oleh kerana kaji selidik ini belum selesai lagi maka angka yang "up-to-date" tidak dapat dikeluarkan.
- (b) Dari jumlah 3,387 calon-calon yang berjaya memasuki kursus latihan perguruan dalam tahun 1974, 536 orang adalah guru-guru sementara.
- (c) Kerajaan memberi keutamaan kepada rancangan untuk memberi latihan kepada semua guru-guru sementara yang berkelayakan. Pada tahun ini Kementerian Pelajaran akan memberi kursus kepada 700 orang guru-guru sementara. Mulai tahun hadapan, lebih ramai lagi guru-guru sementara akan diberi kursus tiap-tiap tahun.

CUKAI KASTAM

19. Datuk Stephen Yong Kuet Tze minta Menteri Kewangan menyatakan apakah menghalang pihak Kastam membuat peraturan penyesuaian kerana tanpa penyesuaian ini barang-barang dan benda-benda yang telah dikenakan duti di Semenanjung Malaysia masih dikenakan duti impot apabila barang-barang atau benda-benda itu diimpot dari Semenanjung Malaysia ke Sarawak dan ini menyusahkan pengguna-pengguna yang tinggal di Sarawak.

Menteri Kewangan (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Baiklah terlebih dahulu saya terangkan bahawa penyatuan cukai-cukai kastam tidaklah bermakna bahawa barang-barang itu dapat dipindahkan di antara ketiga-tiga kawasan kastam, iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dengan tiada dikenakan apa-apa cukai. Bagi mencapai matlamat pemindahan barang-barang di antara kawasan-kawasan kastam ini tanpa cukai barang-barang itu hendaklah dijadikan barang-barang tarif bersama.

Sekarang ini sebanyak 1,550 daripada 1,751 jenis barang-barang bercukai sebagaimana yang diperjeniskan di bawah "Trade

Classification and Customs Tariff, 1969" telah dijadikan barang-barang tarif bersama. Ini bermakna bahawa sebilangan besar barang-barang tersebut sekarang boleh dipindahkan di antara kawasan-kawasan kastam dengan tiada dikenakan apa-apa cukai. Pemindahan tanpa cukai ini adalah tertakluk kepada syarat bahawa cukai telah dibayar pada masa barang-barang itu mula diimpot dan pemindahan itu mematuhi peraturan-peraturan kastam. Baki sebanyak 201 jenis barang-barang itu mengadungi barang-barang (a) yang mana diperbuat di negeri ini dan dikenakan cukai eksais; (b) barang-barang yang mana hasilnya diserahkan kepada Kerajaan Negeri-negeri Sabah dan Sarawak di bawah peraturan Perlembagaan sekarang; (c) barang-barang yang mana dikenakan cukai perlindungan di Semenanjung Malaysia tetapi tidak di Sabah dan Sarawak; dan (d) barang-barang yang mana cukainya terikat oleh Perjanjian Perdagangan dengan negara-negara lain.

Bagi barang-barang yang dikenakan cukai eksais, pada masa ini ada terdapat tiga undang-undang eksais berasingan yang berkuatuasa dalam ketiga-tiga wilayah ini walaupun kuasa bagi mengenakan cukai eksais terletak kepada Menteri Kewangan Persekutuan. Oleh kerana ada tiga undang-undang eksais, pemindahan barang-barang eksais ini di antara ketiga-tiga kawasan kastam terpaksa dianggap sebagai impot dan eksport. Oleh sebab ini suatu peraturan telah dibuat di mana apabila barang-barang dipindahkan ke Sabah atau Sarawak daripada Semenanjung Malaysia atau sebaliknya barang-barang itu tidak dikenakan cukai eksais di wilayah mana barang-barang itu berasal tetapi adalah dikenakan cukai impot wilayah mana barang-barang itu diimpot pada kadar yang sama dengan eksais. Peraturan ini dibuat untuk menentukan bahawa cukai dikutip atas barang-barang ini. Jika barang-barang ini dijadikan barang tarif bersama Kerajaan akan hilang hasil oleh kerana cukai tidak dikutip di bawah peraturan tarif bersama ini. Oleh sebab inilah barang-barang yang dikenakan cukai eksais tidak dijadikan barang-barang tarif bersama sehingga satu masa apabila ketiga-tiga undang-undang eksais disatukan. Untuk makluman Dewan ini, undang-undang ini adalah sekarang dalam proses disatukan dan perundingan atas perkara ini telahpun dibuat dengan Kerajaan Negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Adalah

diharapkan bahawa penyatuan undang-undang eksais ini akan siap bagi dibentangkan pada mesyuarat Parlimen yang akan datang.

Bagi barang-barang yang mana hasilnya diserahkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri seperti minyak petrol dan barang-barang daripada petroliam, kayu-kayan dan lain-lain hasil hutan dan juga logam-logam selain daripada bijih, tingkat cukai-cukai bagi barang-barang ini adalah lebih rendah daripada cukai-cukai di Semenanjung Malaysia. Oleh itu barang-barang ini tidaklah dapat dijadikan barang-barang tarif bersama melainkan dengan persetujuan Kerajaan Negeri-negeri tersebut.

Begitu juga di mana perusahaan-perusahaan tertentu telah diberi perlindungan di Semenanjung Malaysia sahaja, cukai-cukai perlindungan yang dikenakan kepada barang-barang itu tidaklah dapat dijadikan barang-barang tarif bersama sehingga satu masa apabila perusahaan-perusahaan ini dapat membekalkan barang-barang tersebut bagi seluruh Malaysia.

Satu kumpulan lagi ialah berkaitan dengan barang-barang yang mana cukainya terikat oleh Perjanjian-perjanjian Perdagangan dengan negara-negara lain. Barang-barang yang terlibat oleh Perjanjian-perjanjian tersebut adalah kecil dan tidak begitu penting.

Dari penerangan tadi bolehlah dilihat bahawa pembentukan satu kawasan kastam dengan menyamakan tarif bagi semua barang-barang hanya boleh dibuat dalam peringkat beransur-ansur. Untuk sementara waktu, sebagaimana yang telah saya nyatakan dalam mesyuarat Parlimen yang lalu, jika sekiranya barang-barang yang dipindahkan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah atau Sarawak atau sebaliknya dikenakan cukai dua kali Perbendaharaan bersedia untuk menimbangkan pengecualian cukai bagi kes-kes tersebut atas keistimewaan tiap-tiap kes.

RUMAH JENIS RENDAH—KEPERLUAN

20. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada suatu kajian untuk menentukan keperluan rumah-rumah berharga murah di seluruh negara telah dibuat dan menyatakan langkah-langkah yang konkrit yang telah diambil sejak ini untuk menyelesaikan

kekurangan perumahan terutama sekali di kalangan golongan yang berpendapatan rendah dan penduduk kampung-kampung baru.

Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Michael Chen Wing Sum): Untuk maklumat Yang Berhormat suatu kajian yang mendalam dan menyeluruh untuk menentukan keperluan rumah-rumah bagi jenis kos rendah di seluruh negara belum didapati.

Walau bagaimanapun, dari Kertas Penyelidikan No. 6 yang diusahakan oleh Jabatan Perangkaan, adalah didapati bahawa keperluan perumahan untuk Semenanjung Malaysia dari 1970-1990 adalah seperti berikut:

1970—1975	...	101,000 yunit setahun
1976—1980	...	89,400 „
1981—1985	...	96,200 „
1986—1990	...	108,600 „

Dari jumlah tersebut, lebih kurang 50% adalah untuk keperluan rumah-rumah kos rendah (iaitu untuk mereka yang berpendapatan kurang daripada \$300 sebulan).

Langkah-langkah konkrit telah dan sedang diambil untuk menyelesaikan kekurangan perumahan terutama sekali di kalangan golongan yang berpendapatan rendah dan penduduk kampung-kampung baru. Antara langkah-langkah tersebut ialah:

Memandangkan bahawa, menurut Perlembagaan, perkara perumahan ialah tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri, maka Kerajaan-kerajaan Negeri serta jua Perbadanan-perbadanan Kemajuannya, telahpun diingatkan iaitu tugas mengadakan perumahan murah yang secukupnya adalah merupakan salah satu daripada tanggungjawabnya yang utama dan dengan hal yang demikian mereka telahpun mulai mengambil langkah memperkuat institusi-institusi yang berkenaan dengan mendapatkan lebih ramai lagi kakitangan professional dan teknikal ataupun dengan cara mendapatkan penasihat-penasihat atau bantuan-bantuan dari Ajensi-ajensi Kerajaan Pusat supaya dapat meninggikan lagi kebolehan dan kemampuan mereka dalam menyediakan rumah-rumah kos-rendah. Pihak Dewan Bandaraya pula

telahpun menubuhkan sebuah yunit pembangunan perumahan yang baru lagi mempercepatkan lagi kemajuan perumahan di Wilayah Persekutuan.

Pihak Kementerian saya sendiri pun akan diperkuatkan lagi dengan tertubuhnya sebuah Jabatan Perumahan Negara. Dengan itu maka sekim perumahan untuk rakyat daripada golongan pendapatan kecil yang diumumkan oleh Y.A.B. Tun Perdana Menteri pada 6hb Julai, yang lalu ini akan dapat dilaksanakan dengan secepat-cekapnya. Sebagai Yang Berhormat sedia maklum sekim perumahan itu akan dikendalikan daripada satu kumpulan wang pusingan (revolving fund) berjumlah 10 juta ringgit yang akan diletakkan di bawah kawalan Kementerian saya.

Cadangan-cadangan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengadakan rancangan pembinaan rumah-rumah kos-rendah bagi jangka masa Rancangan Malaysia Ketiga adalah melebihi 4 kali ganda daripada yang diusahakan oleh mereka dalam rancangan Malaysia Kedua. Cadangan-cadangan ini sedang di pertimbangkan oleh pihak Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara.

CUKAI IMPOT—PENGECCUALIAN

21. Datuk Peter Lim Pui Ho minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan akan terus menyambung pengecualian cukai impot atas semua jenis baja yang diimpot ke Sabah apabila tempoh pengecualian yang bermula pada 1hb Januari, 1975 tamat pada 31hb Jun, 1975.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Sebanyak Kerajaan memberi pengecualian cukai impot atas baja kompaun dan nitrogen pada masa yang lalu ialah untuk mengatasi kekurangan barang-barang ini kerana pengilang tempatan tidak dapat mengeluarkan baja-baja cukup untuk memenuhi permintaan. Kedudukan pembekalan baja-baja ini dari dalam negeri telah diulang-kaji baru-baru ini dan adalah didapati bahawa pengeluaran tempatan akan lebih daripada mencukupi untuk memenuhi permintaan. Oleh yang demikian tidaklah mustahak lagi pengecualian duti impot diteruskan selepas 30hb Jun, 1975.

LORI MEMBAWA BALAK/KAYU-KAYAN

22. Tuan K. Pathmanaban minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan:

- (i) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mencegah lori-lori mengangkut kayu-kayan dan muatan lain yang berlebih-lebihan; dan
- (ii) bilangan lori-lori yang telah ditangkap kerana muatan lebih pada tahun 1973 dan 1974.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:

- (i) Pegawai-pegawai dari Jabatan Pengangkutan Jalan serta jua pihak Polis sentiasa menjalankan penguasaan menahan dan menimbang lori-lori yang membawa balak dan kayu-kayan serta juga muatan-muatan lain yang disyaki membawa muatan yang berlebihan. Apakala ditimbang dan didapati sesuatu lori sah membawa muatan yang lebih dari yang dihadkan, Jabatan Pengangkutan Jalan mengambil tindakan mendakwanya di Mahkamah. Langkah-langkah jua sedang diambil oleh Kementerian saya untuk menambah lagi bilangan Pegawai-pegawai Penguatkuasa bagi membolehkan kerja-kerja penguatkuasaan atas kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam diawasi dengan lebih rapi.
- (ii) Kes-kes lebih muatan yang diselenggarakan bagi tahun 1973 ialah 503 manakala dalam tahun 1974 pula jumlah kes-kes lebih muatan yang diselenggarakan ialah 462. Angka-angka ini adalah angka-angka tindakan yang diambil oleh Jabatan Pengangkutan Jalan sendiri dan tidak termasuk tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak Polis.

GAJI MINIMA PEKERJA

23. Tuan Richard Dampeng anak Laki minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kerajaan bercadang mengemukakan undang-undang untuk menentukan pembayaran Gaji Minima kepada semua kategori pekerja dan buruh dalam sektor-sektor awam dan swasta, atau kepada

pekerja-pekerja jenis khas seperti dalam perusahaan kayu-kayan dan buruh-buruh gaji harian.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Kerajaan berasa tidak perlu berbuat demikian pada masa ini. Walau bagaimana pun sudah ada terdapat lima Perintah-perintah peratoran Gaji-Gaji yang menetapkan gaji-gaji minima yang sedang dikuatkuasakan sekarang ini. Perintah-perintah tersebut adalah seperti berikut.

- (a) Majlis Penetapan Gaji bagi Pemungkah-pemungkah, pengendali muatan dan anak sekuci di Pulau Pinang.
- (b) Majlis Penetapan Gaji bagi pekerja-pekerja Panggung Wayang.
- (c) Majlis Penetapan Gaji bagi pekerja-pekerja Perhidangan Makanan dan Hotel.
- (d) Majlis Penetapan Gaji bagi pembantu kedai di Semenanjung Malaysia.
- (e) Majlis Penetapan Gaji bagi pembantu kedai di Sarawak.

Soal pembayaran gaji minima kepada semua kategori pekerja-pekerja adalah sentiasa dikaji oleh Kementerian saya dari semasa ke semasa. Faktor-faktor berhubung dengan pengangguran, suasana ekonomi dan sosial dan juga pengeluaran negara adalah diberi perhatian apabila menimbangkan perkara ini.

JAMBATAN DI JALAN MERSING

24. Tuan Loh Fook Yen minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar, iaitu di Jalan Mersing, Kluang, ada sebuah jambatan (hadapan Panggung Wayang Coronation) yang sudah tersenget, jika ya, apakah tindakan beliau akan ambil atas perkara ini.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Saya sedar keadaan jambatan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan saya telah difahamkan bahawa tindakan sedang diambil untuk menggantikannya dengan jambatan yang baru. Pada masa ini kerja mereka-bentuk sedang dijalankan dan akan siap dalam sedikit masa lagi. Kerja pembinaan akan dilaksanakan sebaik-baik sahaja kerja mereka-bentuk siap.

HAKMILIK TANAH KEPADA PENDUDUK NEW VILLAGE TAMBAHAN PUCHONG

25. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Perumahan dan Kampung-Kampung Baru menyatakan samada beliau sedar penduduk-penduduk di New Village Tambahan Puchong, Batu 14 telah tinggal di situ lebih dari 10 tahun tanpa sebarang TOL, sila nyatakan bila Kerajaan akan mengeluarkan kepada mereka hakmilik tanah ini.

Tuan Michael Chen Wing Sum: Permohonan tersebut sedang diproseskan oleh pihak berkenaan di peringkat daerah.

BAS SIAM—KESALAHAN DI JALANRAYA

26. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada Kementerian beliau sedar bahawa kebanyakan bas-bas dari negeri Thai telah melanggar undang-undang lalulintas negara ini dengan memandu terlampau laju tanpa memperdulikan apa-apa dan cuai dan juga tidak menghiraukan keselamatan pengguna jalanraya yang lain.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Kementerian saya sedar bahawa memang ada bas-bas Siam yang didapati melakukan kesalahan-kesalahan di jalanraya, seperti memandu terlalu laju dan sebagainya dan tindakan adalah sentiasa diambil ke atas mereka-mereka yang melakukan kesalahan ini.

MARDI

27. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) tindakan yang telah atau akan diambil oleh Kementerian beliau terhadap pakatan yang telah menyalahgunakan rancangan MARDI; dan
- (b) apakah amalan salah yang tersebut itu dan jumlah kerugian yang terlibat.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Sepanjang yang saya tahu tidak ada perkara menyalahgunakan rancangan terdapat di MARDI.

KILANG IKAN DI SEKINCHAN

28. Tuan Haji Jamil bin Ishak minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan yang telah diambil setakat ini terhadap sebuah kilang ikan di Sekinchan yang difaham menyebabkan kekotoran udara di kawasan itu dan kawasan-kawasan kediaman di sekitarnya.

Tan Sri Ong Kee Hui: Saya menaruh perhatian yang sama dengan Ahli Yang Berhormat berhubung dengan pencemaran udara di kawasan Sekinchan. Sebenarnya Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya telah menerima aduan-aduan yang sama daripada penduduk-penduduk di situ.

Penyelidikan yang telah kami jalankan menunjukkan bahawa terdapat dua buah kilang memproses ikan yang telah menyebabkan pencemaran udara serta mendatangkan bau-bau busuk terhadap mereka-mereka yang tinggal di sekitar kawasan itu. Bau-bau busuk ini merebak semasa memproses ikan-ikan tersebut untuk dijadikan tepung-tepung ikan (fish powder) tanpa mengenakan langkah-langkah pencegahan pencemaran tertentu, dan ia juga berbangkit dalam masa pengangkutan ikan-ikan ke kilang-kilang tersebut. Langkah-langkah telah diambil oleh Bahagian Alam Sekitar untuk mengarahkan majikan-majikan yang berkenaan supaya mengambil langkah-langkah pemulihan yang segera. Dalam hubungan ini majikan-majikan bagi kedua kilang tersebut telah memberi persetujuan untuk memperbaiki keadaan yang dihadapi itu. Walau bagaimanapun, saya suka menyatakan kepada Yang Berhormat bahawa pegawai-pegawai dari Kementerian saya akan mengambil langkah-langkah lanjut untuk menentukan agar semua perakuan-perakuan yang telah diberi kepada kilang-kilang itu dipatuhi oleh mereka.

PENUNTUT DI SEKOLAH MENENGAH

29. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah bilangan penuntut-penuntut yang telah memohon bagi tempat-tempat percuma di sekolah-sekolah menengah dari tahun 1974 hingga 1975;
- (b) bilangan penuntut-penuntut yang berjaya; dan
- (c) bilangan penuntut-penuntut yang gagal.

Dr Mahathir bin Mohamad:

(a) Jumlah yang memohon tempat percuma ialah seperti berikut:

1974	1975	Jumlah
66,963	80,745	147,708

(b) Bilangan pemohon yang berjaya ialah seperti berikut:

1974	1975	Jumlah
11,305	11,329	22,634

Bagi pemohon-pemohon yang tidak mendapat tempat-tempat percuma itu, sebahagian dari mereka telah d.beri pengurangan pembayaran yuran sekolah. Bilangan yang diberi itu adalah seperti berikut:

1974	1975	Jumlah
12,038	12,265	24,303

(c) Bilangan pemohon yang tidak berjaya langsung ialah seperti berikut:

1974	1975	Jumlah
43,620	57,151	100,771

NELAYAN MALAYSIA DITANGKAP DI PERAIRAN MALAYSIA/INDONESIA

30. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) bilangan nelayan-nelayan Malaysia yang ditangkap di perairan Malaysia/Indonesia setakat ini oleh Pihak Berkuasa Indonesia dan samada mereka semua telah dibebas; dan
- (b) tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan selepas d.beritahu mengenai tangkapan itu dan samada sebarang perundingan diadakan selepas tiap-tiap tangkapan; jika ya, nyatakan keputusannya.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:

- (a) Sejak bulan Ogos 1965, 293 orang. Dari jumlah ini 269 telah dibebaskan.
- (b) Selepas Konsulat kita di Medan diberitahu oleh Pihak Berkuasa Indonesia mengenai tiap-tiap penangkapan, maklumat itu dihantar kepada Kementerian Luar Negeri yang pula memberitahu keluarga nelayan-nelayan tersebut. Jika nelayan-nelayan yang d.tangkap itu telah membuat persetujuan dengan pihak Indonesia membayar denda damai Kementerian Luar Negeri akan

meminta Jabatan Perikanan atau pihak polis di tempat-tempat berkenaan memberitahu tuan-tuan punya bot dan meminta mereka menyelesaikan pembayaran denda damai. Sekiranya penangkapan itu tidak diselesaikan dengan pembayaran denda damai, nelayan-nelayan akan ditahan sehingga dibicarakan di Mahkamah. Tindakan selanjutnya yang diambil oleh Konsulat Malaysia di Medan ialah meminta kerjasama pihak berkuasa Indonesia menjalankan pembicaraan dengan secepat mungkin. Setelah pembayaran denda damai ataupun setelah nelayan-nelayan tersebut menjalani hukuman, Kementerian Luar Negeri dan Konsulat Malaysia di Medan menguruskan mengenai penghantaran balik nelayan-nelayan tersebut.

BAS MINI—PERKHIDMATAN

31. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan lesen-lesen bas mini yang telah dikeluarkan setakat ini untuk Kuala Lumpur dan Petaling Jaya; dan
- (b) samada beliau sedar bahawa perkhidmatan-perkhidmatan bas di Kuala Lumpur masih tidak memuaskan; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan bas di Bandaraya.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:

- (a) Setakat ini jumlah bilangan lesen-lesen bas mini (yang dipanggil Bas Rengkas) ialah 76 buah untuk Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya.
- (b) Saya tidak samasekali menafikan bahawa perkhidmatan bas di Kuala Lumpur masih tidak memuaskan. Walau bagaimanapun langkah-langkah untuk memperbaikinya telah dan terus dijalankan. Di antaranya ialah:
 - (i) sebagaimana yang telah maklum, bahawa mulai dari 1hb April, 1975, Kerajaan telah menaikkan tambang bas dari 4 sen ke 5 sen sebatu. Ini bertujuan untuk memberikan kemudahan-kemudahan

supaya syarikat-syarikat bas dapat membiayai perbelanjaan yang dikehendaki bagi memperbaiki perkhidmatan bas-bas mereka seperti mengganti bas-bas lama yang tidak sesuai dengan bas-bas yang baru dan lebih besar. Mereka juga adalah digesa bagi menambah perjalanan-perjalanan (frequency trip) mengikut keperluan.

Berikutan dengan kenaikan tambang ini, suatu surat Peke-liling telah dihantar kepada semua syarikat-syarikat bas mengenai tindakan-tindakan yang harus mereka ambil bagi mengganti bas-bas yang buruk dan memberitahu Kementerian ini secara bertulis mengenai rancangan-rancangan mereka bagi tempoh 6 bulan untuk memperoleh bas-bas yang baru atau memperbaiki lagi perkhidmatan bas mereka yang dijalankan sekarang. Telah ada kesan bahawa syarikat-syarikat bas mengambil langkah untuk memenuhi kehendak-kehendak Kerajaan itu. Setengah-setengah syarikat bas kini telah mengganti bas-bas lama mereka dengan bas-bas yang baru dan juga membuat tempahan untuk mendapat chassis baru bas. Untuk mengurangkan kesesakan penumpang-penumpang di perhentian-perhentian bas di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur, syarikat-syarikat bas sedang giat mendapatkan bas-bas yang lebih besar mempunyai dua pintu masuk untuk membawa lebih banyak lagi penumpang-penumpang.

- (ii) Kerajaan telah mengambil langkah untuk membenarkan perkhidmatan bas mini untuk menemui keperluan-keperluan orang awam di Kuala Lumpur ini dan kemungkinannya di bandar-bandar lain. Dengan adanya perkhidmatan ini yang dijangka akan dilancarkan tidak berapa lama lagi diharapkan boleh mengatasi masalah kekurangan

bas-bas dan seterusnya perkhidmatan pengangkutan awam di Bandaraya ini akan dapat diperbaiki.

- (iii) Satu badan iaitu Unit Pengangkutan Awam (Public Transport Unit) telah ditubuhkan di Kementerian saya untuk mengkaji semua aspek perkhidmatan awam di Kuala Lumpur dan di bandar-bandar lain di negara ini.

POLIS WILAYAH PERSEKUTUAN— ANGGOTA

32. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar terdapat kekurangan anggota-anggota Polis dan anggota-anggota Polis Lalulintas di Wilayah Persekutuan dan jika ya, nyatakan samada Kementerian beliau mempunyai rancangan-rancangan segera untuk memperkembangkan pasukan Polis di Wilayah Persekutuan memandangkan bertambahnya kadar kejadian jenayah dan kesulitan lalulintas yang berlaku pada waktu sibuk yang disebabkan di antaranya oleh kekurangan kawalan Polis.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Ya, Kerajaan memang sedar akan kekurangan anggota-anggota Polis di Wilayah Persekutuan. Anggota Polis yang berjumlah 2,345 orang memanglah tidak dapat memberi pengawasan dan pengawalan yang secukupnya dalam masa 24 jam di kawasan Kuala Lumpur yang mengandungi penduduk berjumlah 800,000 orang. Dengan kesedaran inilah Kerajaan sedang mengambil langkah untuk memodenkan cara kepolisian serta menambahkan kekuatan anggota Polis Wilayah Persekutuan. Dalam tahun 1974 sebanyak 122 jawatan telah diluluskan untuk Polis Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Rundingan-rundingan sedang dijalankan bagi menambah anggota Polis seluruhnya, bukan sahaja di Wilayah Persekutuan ini untuk tahun-tahun yang akan datang. Saya berharaplah kepada Yang Berhormat itu nanti menyokong penuh apabila saya membentangkan belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di Parlimen pada persidangan yang akan datang bagi mendapatkan peruntukan secukupnya untuk menambahkan keanggotaan Pasukan Polis, khususnya untuk Wilayah Persekutuan.

BANTUAN GUAMAN

33. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil supaya rancangan bantuan guaman benar-benar diketahui oleh masyarakat luar bandar untuk memberi menafaat kepada mereka; dan
- (b) berapa banyak bilangan bantuan guaman yang telah diberikan sejak Biro Bantuan Guaman ditubuhkan.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):

- (a) Diantara langkah-langkah yang diambil supaya rancangan Bantuan Guaman benar-benar diketahui oleh masyarakat luar bandar untuk memberi menafaat kepada mereka ialah:

1. *Penyibaran melalui saluran (Mass-media)*

Dengan cara membuat pengisytiharan dan penyibaran umum melalui saluran-saluran mass-media yang ada dalam negara samada mass-media kepunyaan Kerajaan dan juga swasta.

2. *Menghadiri majlis-majlis ceramah syarahan dan Seminar.*

Pegawai-pegawai Biro Bantuan Guaman menghadiri Majlis-majlis Ceramah, Syarahan dan Seminar yang dianjurkan oleh segenap lapisan masyarakat seperti pertubuhan-pertubuhan belia, pertubuhan wanita dan lain-lain apabila jemputan-jemputan dipanjangkan kepada Biro.

3. *Menganjur dan mengambil bahagian dalam Kursus dan Latihan*

Biro Bantuan Guaman telah pun menganjur dan mengambil bahagian penting dalam berbagai kursus dan latihan jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Kursus Tata Rakyat anjuran Jabatan Penerangan Daerah dan kursus kepada Pegawai-pegawai Ugama seperti Kadi, Imam dan Pegawai Kebajikan Ugama Wanita anjuran Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

4. *Menghadiri mesyuarat bulanan Jawatankuasa Tindakan Daerah dan mesyuarat Penghulu/Penggawa Daerah*

Di negeri-negeri di mana cawangan Biro ditubuhkan, pegawai-pegawai Biro pernah juga menghadiri mesyuarat-mesyuarat bulanan Jawatankuasa Tindakan Daerah dan mesyuarat-mesyuarat Penghulu/Penggawa untuk disebarkan tentang peranan-peranan dan tugas-tugas Biro kepada orang ramai.

5. *Penyiaran maklumat melalui pegawai-pegawai dan kakitangan Mahkamah*

Dari masa ke semasa pegawai-pegawai Biro yang menghadiri perbicaraan-perbicaraan di Mahkamah Awam dan Mahkamah Syariah sentiasa mendampingi pihak Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen, Mejiseteret, Kadi dan kakitangan mereka agar menggalakkan dan merujukkan pemohon-pemohon yang berkelayakan mendapat bantuan guaman daripada Biro.

6. *Perkhidmatan Maklumat Undang-Undang luar bandar*

Selain daripada perkara-perkara yang diterangkan di atas, konsep bantuan guaman juga telah diperluaskan hingga termasuk perkhidmatan maklumat melalui Ceramah dan Perkhidmatan Perguaman Percuma mengenai perkara undang-undang kepada penduduk luar bandar. Suatu sekim yang dinamakan Perkhidmatan Perguaman Luar Bandar telah juga dibentuk di mana pegawai-pegawai dan kakitangan di semua Biro Bantuan Guaman akan keluar secara berkala ke kawasan pendalaman dalam negeri mereka masing-masing untuk memberi bantuan dan nasihat ditempat itu juga. Bilangan Majlis Ceramah yang telah diadakan oleh pegawai-pegawai Bantuan Guaman semenjak September, 1970 ke Mei, 1975 ialah seperti angka

pecahan mengikut negeri masing-masing di bawah ini:

(i) Selangor/Wilayah Persekutuan	...	...	20
(ii) Kedah/Perlis	...	...	11
(iii) Kelantan/Trengganu	...	...	20
(iv) Johor	...	...	11
			—
Jumlah	...	...	81
			—

(b) Jumlah bilangan orang-orang yang menerima Bantuan Guaman dan Nasihat Undang-Undang bagi tempoh 1-9-1970 ke 31-5-1975 ialah seramai 5,818 orang, 1,352 daripadanya terdiri daripada kes-kes yang diberi bantuan penuh, 197 orang menerima bantuan separa dan nasihat dan 4,269 orang diberi nasihat undang-undang percuma secara lisan dan persuratan.

LIFE POST—PERMIT AKHBAR

34. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- sebab-sebab Kerajaan menolak pengeluaran lesen penerbitan bagi tahun 1975 bagi akhbar "Life Post"; dan
- sebab-sebabnya Kerajaan mengeluarkan lesen penerbitan kepada akhbar "New Life Post" baru-baru ini—sebuah akhbar yang serupa dengan akhbar "Life Post".

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Permohonan untuk membarui permit akhbar "Life Post" bagi tahun 1975 ditolak kerana akhbar itu telah melanggar satu daripada syarat-syarat dalam permit KDN 8065 bagi tahun 1974. Akhbar "New Life Post" adalah sebuah akhbar baru dan diberi permit mengikut peraturan yang ada.

KOMINIS/PENJAHAT—HAPUSKAN

35. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- samada rancangan yang dilancarkan oleh Kerajaan (Rukun Tetangga) untuk menghapuskan anasir komunis di dalam bandar benar-benar berjaya; dan

- (b) apakah sambutan dari rakyat dalam bandar terhadap rancangan tersebut, terutama dari kalangan kaum yang berada.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Rancangan ini sedang disusun dan belum dilancarkan lagi. Apa yang dipentingkan dalam rancangan ini ialah penglibatan seluruh rakyat dan kejayaan untuk menghapuskan komunis dan penjajah yang lain di dalam bandar atau luar bandar bergantung kepada kerjasama rakyat.
- (b) Insya Allah saya yakin rancangan ini akan mendapat sambutan rakyat samada di desa atau di bandar.

UNIVERSITI-UNIVERSITI— PENGAMBILAN PENUNTUT

36. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa terdapat diskriminasi terhadap pengambilan penuntut-penuntut dari Singapura untuk masuk ke-universiti-universiti kita kerana mereka lulus Sijil Am Pelajaran Peringkat Tinggi tetapi tidak diterima masuk walaupun mereka mendapat empat atau lima kepujian.

Dr Mahathir bin Mohamad: Dalam urusan kemasukan ke universiti-universiti di negara ini bagi tahun pengajian 1975/76 calon-calon dipertimbangkan mengikut asas-asas yang ditentukan dan satu daripadanya ialah kewarganegaraan. Oleh kerana bilangan permohonan sentiasa melebihi tempat yang dapat diadakan maka keutamaan diberi terlebih dahulu kepada calon-calon warganegara Malaysia. Sekiranya masih terdapat kekosongan dan tiada pula calon yang terdiri dari warganegara maka barulah calon-calon lain dipertimbangkan.

PEMBUNUHAN ALLAHYARHAM TAN SRI ABDUL RAHMAN

37. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa pihak Polis telah mendapati pakaian yang dipakai dan sepucuk pistol yang digunakan oleh pembunuh Allahyarham Tan Sri Abdul Rahman, bekas Ketua

Polis Negara, dan jika ya, nyatakan meng-apakah pembunuh tersebut masih belum lagi ditangkap.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Pihak Polis telah menjumpai 2 helai kemeja yang dipercayai telah dipakai oleh pembunuh Allahyarham Tan Sri Abdul Rahman, bekas Ketua Polis Negara itu. Walau bagaimanapun, Jabatan Kimia mengesahkan bahawa kemeja-kemeja itu tidak ada kaitan dengan kejadian pembunuhan tersebut.

Tindakan akan terus diambil oleh Polis untuk mengesan sesiapa yang mungkin terlibat dengan pembunuhan itu.

CHAN HOE *alias* CHAN AH LIK— TANGKAK REPORT

38. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada ia telah menyiasat pengaduan Chan Hoe *alias* Chang Ah Lik, K.P. 2035323, seorang dreber lori dari Tangkak yang ia telah dipukul teruk semasa ia ditahan di Balai Polis Tangkak dari 28hb April hingga 6hb Mei dan mengennainya satu lapuran telah dibuat oleh Chan Hoe semasa ia di Hospital Melaka dan yang mana sekarang telah menjadi Lapuran Tangkak No: 300/75; dan apakah tindakan Kementerian beliau sedang ambil untuk mendenda pegawai-pegawai Polis yang telah melebihi kuasa mereka dengan melakukan kekerasan fizikal yang mengancam kesihatan rakyat Malaysia yang tak bersalah.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Encik Chan Hoe *alias* Chang Ah Lik telah ditahan berkaitan dengan Tangkak Report No: 254/75, iaitu lapuran mengenai kejadian pecah setor dan kecurian barang-barang.

Siasatan mengenai lapuran yang dibuat oleh Chan Hoe *alias* Chang Ah Lik yang sekarang menjadi Lapuran Tangkak No: 300/75 telahpun dijalankan setelah mendapat kebenaran menyiasat daripada Tuan Timbalan Pendakwa Raya. Barisan Kawat Cam bagi membolehkan subjek mengesan anggota-anggota Polis yang dikatakan memukul beliau telahpun diaturkan tetapi sehingga hari ini subjek dengan alasan-alasannya sendiri tidak mahu menghidirinya. Oleh itu, tidaklah dapat dilanjutkan siasatan dan diambil tindakan seterusnya.

MURID-MURID DI ASRAMA

39. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa walaupun Kerajaan telah mengadakan kemudahan-kemudahan sekolah berasrama bagi penuntut-penuntut dari kawasan-kawasan luar bandar, ibubapa mereka kerap kali mengajak anak-anak mereka balik ke rumah kerana tiada ada sesiapa yang menjaga mereka; dan jika ya, nyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menukar sikap ibubapa-ibubapa ini.

Dr Mahathir bin Mohamad: Adalah tidak benar murid-murid di asrama tidak diawasi oleh sesiapa pun. Bagaimanapun setengah-setengah ibubapa kerap membawa anak mereka pulang ke rumah atas berbagai alasan. Sekiranya murid-murid ini tidak lagi mahu tinggal di asrama mereka tidak dipaksa berbuat demikian oleh kerana ada ramai lagi murid-murid lain yang berkehendakkan tempat di asrama.

PERMIT MASUK KE MALAYSIA

40. Datuk Stephen Yong Kuet Tze minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan iaitu memandang kepada terjalannya hubungan diplomatik dengan Negeri China, samada Kerajaan akan memberi pertimbangan dengan simpati terhadap permohonan-permohonan dari warganegara-warganegara untuk mendapatkan permit masuk bagi suami atau isteri mereka yang berumur 60 tahun ke atas yang berada di Negeri China sekarang untuk masuk ke Malaysia.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soal pengeluaran permit masuk tidak ada kaitan dengan perhubungan diplomatik kita dengan Republik Rakyat China. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang berumur lebih daripada 60 tahun ini saya sedia menimbangkan tetapi tiap-tiap satu kes itu bergantunglah kepada "merit"nya.

MINYAK DIESEL KEPADA PENGGUNA-PENGGUNA

41. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan penjual-penjual minyak yang telah ditangkap sejak bulan Januari tahun ini kerana mewujudkan keadaan kekurangan

minyak diesel yang palsu dengan tidak menjual minyak kepada pemotor-pemotor dan nyatakan jenis tindakan yang Kementerian beliau telah ambil terhadap penjual-penjual yang jahat ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Kementerian saya telahpun mengambil tindakan ke atas 3 station minyak yang cuba menimbulkan kekurangan minyak diesel kepada pengguna-pengguna. Tindakan Mahkamah akan diambil ke atas mereka ini.

PEMAJU PERUMAHAN—PENYELENGGARAAN

42. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar terdapat banyak kawasan-kawasan perumahan di Wilayah Persekutuan yang mempunyai padang-padang permainan kanak-kanak yang tidak dijaga di mana nyamuk-nyamuk membiak, dan jika ya, nyatakan apakah tindakan Kementerian beliau akan ambil terhadap pemaju-pemaju perumahan berkenaan untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tindakan adalah diambil terhadap pemaju-pemaju atau tuan-tuan punya rumah secara memberi notis, mengkompaun atau mendakwa mereka apabila adanya bukti bahawa mereka telah tidak mengambil langkah-langkah untuk mengawal pembiakan serangga-serangga di kawasan-kawasan terbuka, padang-padang permainan, longkang-longkang dan sebagainya. Tindakan seperti ini akan diteruskan sehingga penyelenggaraan kawasan-kawasan tersebut diambil alih oleh Dewan Bandaraya iaitu apabila kehendak-kehendak Dewan berkenaan dengan mutu atau "specification" jalan-jalan dan longkang-longkang telah dipenuhi oleh pihak-pihak pemaju.

HOSPITAL DI DAERAH TUARAN

43. Tuan Buja bin Gumbilai minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kerajaan akan mengadakan sebuah Hospital di Daerah Tuaran bagi faedah penduduk-penduduk di Daerah itu.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuaran jauhnya, lebih kurang 21 batu dari Kota Kinabalu di mana terletaknya Hospital

Queen Elizabeth. Tambahan, Tuaran dan Kota Kinabalu dihubungi oleh jalanraya yang baik. Kementerian saya dalam menjalankan kajian dari masa ke semasa akan mengambil perhatian perkara ini dan satu hospital bagi Tuaran akan di bina pada masa yang akan datang.

PENJENAYAH—HUKUMAN TERLALU RINGAN

44. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Undang-Undang dan Peguam Negara menyatakan samada beliau sedar salah satu daripada sebab-sebab berleluasa kejadian jenayah di negara ini ialah terlalu ringannya hukuman yang dijatuhkan ke atas penjenayah-penjenayah dan jika ya, adakah beliau akan mengkaji keadaan supaya penjenayah-penjenayah akan dijatuhkan hukuman setimpal dengan jenayah yang mereka lakukan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Hukuman-hukuman yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah ke atas orang-orang yang didapati salah itu adalah boleh dikatakan pada keseluruhannya adil dan berpadanan. Pihak Jabatan Peguam Negara sentiasa mengawasi hukuman-hukuman yang dikenakan oleh Mahkamah-mahkamah Rendah dan sekiranya didapati hukuman-hukuman itu terlalu ringan atau tidak seimbang dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh yang bersalah itu maka Timbalan Pendakwa Raya akan membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapat hukuman yang sewajarnya. Segala hukuman-hukuman yang telah dijatuhkan itu adalah mengikut apa yang dikehendaki oleh undang-undang setelah Mahkamah menimbangkan segala faktor-faktor yang dikemukakan oleh kedua-dua belah pihak.

Oleh yang demikian pada pendapat Menteri Undang-Undang dan Peguam Negara sebab-sebab berleluasan kejadian jenayah di negara ini bukanlah dengan sebab hukuman-hukuman yang dijatuhkan ke atas penjenayah-penjenayah itu terlalu ringan. Walau bagaimanapun adalah benar kiranya dikatakan banyak penjenayah-penjenayah telah terlepas daripada hukuman Mahkamah dengan sebab kekurangan atau kelemahan keterangan-keterangan yang boleh diterima disisi undang-undang untuk membuktikan kesalahan penjenayah-penjenayah itu. Ini adalah semata-mata dengan sebab tidak ada

kerjasama sepenuh yang diberi oleh setengah-setengah golongan orang ramai kepada pihak-pihak yang berkuasa seperti polis dan sebagainya.

Sungguhpun begitu pihak Kementerian Undang-undang dan Peguam Negara sentiasalah mengawasi reaksi-reaksi dan perasaan orang ramai terhadap sesuatu hukuman yang telah dijatuhkan ke atas mana-mana penjenayah dan sekiranya had-had maksima sesuatu hukuman yang boleh dijatuhkan itu tidak lagi menasabah mengikut keadaan masa maka tindakan akan diambil untuk meminda Undang-Undang yang berkenaan itu.

Tindakan telahpun diambil untuk menambah bidang kuasa dan juga kuasa meng-hukum Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen Khas untuk membicarakan kes-kes yang membawa hukuman penjara hingga seumur hidup dan juga menjatuhkan hukuman penjara yang dibenarkan dibawah Seksyen-seksyen yang dituduh hingga penjara seumur hidup dengan cara meminda undang-undang:

- (i) Subordinate Courts Act, (1948);
- (ii) Arms Act, (1960);
- (iii) Firearms (Increased Penalties) Act, (1975);
- (iv) Dangerous Drugs Ordinance; dan sebagainya.

JALANRAYA KENINGAU/TAMBUNAN

45. Tuan Stephen Robert Evans minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilakah jalanraya Keningau/Tambunan akan diambil alih oleh Kementerian beliau supaya jalanraya itu boleh ditambah dengan minyak tar di bawah Rancangan Malaysia Ketiga;
- (b) samada peruntukan telah dibuat di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk membina sebuah jambatan menyeberangi Sungai Apin-Apin dan jika ya, bilakah kerja akan dimulakan; dan
- (c) samada peruntukan telah di buat di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk menambak dengan minyak tar landasan di lapangan terbang Keningau dan jika ya, adakah kerja menambak itu akan dijalankan dalam tempoh Rancangan Malaysia Yang Ketiga bagi Negeri Sabah.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:

- (a) Jalanraya Keningau/Tambunan telah dimasukkan ke dalam cadangan program Rancangan Malaysia Ketiga untuk diperbaiki dan dibubuh tar.
- (b) Ya. Pada masa sekarang penyiataan sedang dijalankan untuk pembinaan jambatan menyeberangi Sungai Apin-Apin di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Adalah dijangkakan jika sekiranya peruntukan didapati, pembinaannya akan dimulakan di akhir tahun 1976 atau awal 1977. Pada masa sekarang dua buah jambatan, di atas jalan yang sama adalah dalam pembinaannya iaitu di Menselorang dan Tikolod.
- (c) Saya diberitahu oleh Kementerian Perhubungan dan Kerjaraya Sabah bahawa landasan di lapangan kapalterbang Keningau akan diperbaiki dan dibubuh tar dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

TERNAKAN DI KAWASAN SOOK

46. Tuan Stephen Robert Evans minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan :

- (a) samada beliau sedar bahawa 48,000 ekar tanah negeri yang baru-baru ini diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk pembelaan kerbau-lembo di Sook dalam Daerah Keningau adalah meliputi Kampung Simpanan suku Murut iaitu Kampung Tinagalan;
- (b) samada beliau sedar bahawa suku Murut telah mendiami kampung itu (Kampung Tinagalan Sook) untuk beberapa keturunan dan jika sedar, samada Kerajaan akan menguntukkan Kampung Simpanan yang baru sebagai ganti Kampung Simpanan mereka yang telah diambil dan dimasukkan dalam 48,000 ekar lagi pembelaan lembu-kerbau itu; dan
- (c) samada Menteri berkenaan akan menyasat perkara ini dan mengambil tindakan yang wajar iaitu sekiranya tanah negeri tidak ada di Sook sebagai ganti, Menteri akan mengecualikan Kampung Simpanan mereka yang asal daripada dimasukkan dalam 48,000 ekar yang diambil oleh Kerajaan untuk ternakan lembu-kerbau.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Adalah benar bahawa Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan menjayakan kawasan Sook untuk rancangan ternakan tetapi keputusan muktamad belum lagi dibuat. Sebelum keputusan muktamad diambil, perkara-perkara yang dilahirkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan diberikan pertimbangan.

**KAMPUNG-KAMPUNG BARU—
MENYUSUN SEMULA**

47. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan :

- (a) langkah-langkah yang telah diambil untuk menyusun semula kampung-kampung baru di negara ini; dan
- (b) samada sebarang langkah telah diambil untuk mengadakan lagi lebih banyak tanah untuk kampung-kampung baru, dan jika ya, bila.

Tuan Michael Chen Wing Sum: Usaha-usaha untuk menyusun semula kampung-kampung baru samada dengan tujuan hendak mengadakan kemudahan asas yang lebih baik dan kawasan-kawasan tempat kediaman yang lebih sesuai, memanglah menjadi hasrat Kementerian saya.

Sebagai Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, saya telahpun membuat pengumuman berkenaan dengan suatu rancangan percubaan untuk menyusun semula kampung-kampung baru serta berusaha mendapatkan kawasan tanah yang lebih luas di Negeri Perak.

Suatu kumpulan wang pusingan (revolving fund) sedang didapatkan bagi membiayai rancangan-rancangan meluaskan kampung-kampung baru itu, demikian juga bagi mengadakan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan, bekalan air dan api di dalam rancangan tersebut.

Dengan adanya rancangan itu, penduduk-penduduk kampung baru yang ingin tinggal di sana akan diberi peluang membeli tanah-tanah dengan kemudahan-kemudahan asas yang disediakan itu. Jika kemudahan perumahan diperlukan maka ianya akan dipertimbangkan menurut keadaan di tempat itu serta keupayaan peserta-peserta projek itu menampung perbelanjaan yang akan ditetapkan kelak.

Adalah juga diharapkan, dengan adanya projek itu usaha hendak menyusun semula masyarakat supaya benar-benar menggambarkan masyarakat rakyat Malaysia yang berbilang kaum dapat dijalankan.

Bagaimanapun projek tersebut adalah Projek-Perintis yang memerlukan bantuan dan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri serta Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan Kampung. Kemajuannya nanti akan dijadikan asas untuk melaksanakan suatu program nasional dalam usaha Kementerian saya menyusun semula Kampung-kampung Baru di seluruh negara.

PEJABAT PENDAFTAR DAN PEMERIKSA KERETA-KERETA MOTOR IPOH

48. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada Kerajaan akan menimbang membina sebuah bangunan baru dan moden bagi Ibu Pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor di Ipoh.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tindakan sedang diambil untuk membina sebuah bangunan baru Pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor di Ipoh. Tawaran untuk pembinaan bangunan itu baru sahaja ditutup pada 5hb Julai, 1975 dan pembinaan sebenarnya dijangka dapat dimulakan pada awal bulan Ogos.

DEMONSTRASI PELAJAR

49. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada masih terdapat orang-orang yang terlibat dengan demonstrasi pelajar tahun lepas yang menghilangkan diri hingga sekarang; jika ada nyatakan siapakah di antara mereka yang menghilangkan diri itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Ya, dan mereka ini sedang dikesan. Saya tidak dapat memberi butir-butir mengenai mereka ini atas segi keselamatan.

FELDA—BEKAS ANGGOTA POLIS KE RANCANGAN

50. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Tanah dan Galian dan Menteri

Tugas-tugas Khas menyatakan samada Kementerian beliau sedar mengenai sungutan-sungutan oleh bekas-bekas polis, khususnya di Negeri Kelantan bahawa mereka telah tidak dipilih untuk menyertai dalam sebarang rancangan-rancangan tanah FELDA lagi sehingga sekarang walaupun mereka telah berjaya di dalam temuduga dengan Kementerian ini untuk menjadi peserta-peserta FELDA dalam tahun 1973, dan jika ya, bilakah mereka akan dipilih.

Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Bekas anggota-anggota Polis adalah diberi pertimbangan yang sama sahaja seperti yang diberikan kepada bekas-bekas Perajurit apabila mereka memohon menjadi peneroka Felda.

Pada masa ini ada 171 orang bekas Polis dari Negeri Kelantan yang telah ditemuduga untuk menyertai rancangan tanah Felda. Di antaranya, 28 orang telah ditemuduga dalam tahun 1973, 121 orang ditemuduga dalam tahun 1974 dan 22 orang lagi dalam tahun 1975. Mereka ini belum lagi dapat dipanggil masuk ke rancangan kerana tidak ada rancangan Felda di Negeri Kelantan yang siap yang boleh menerima peneroka sekarang ini.

Walau bagaimanapun, sebahagian daripada rancangan Felda Kemahang dalam daerah Tanah Merah, Kelantan yang sedang dimajukan sekarang adalah dikhaskan untuk bekas ahli-ahli Pasukan Keselamatan. Nama-nama bekas anggota Polis yang telah ditemuduga itu akan dikemukakan oleh Felda kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk dipertimbangkan bagi memasuki rancangan Felda Kemahang.

BEKALAN AIR DI KAMPUNG BARU SERDANG

51. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada beliau sedar keadaan-keadaan yang ada sekarang di Kampung Baru Serdang:

- (i) kekurangan bekalan air ke rumah-rumah dan kekurangan bekalan paip umum, yang menyebabkan kesulitan kepada penduduk-penduduk kampung ini;
- (ii) terdapat banyak setinggan-setinggan sebagai yang dikatakan setinggan-setinggan haram yang tinggal dalam

ketakutan dan yang diganggu dengan berterusan oleh pihak berkuasa; dan

- (iii) 72 petani-petani yang benar-benar berhasrat dan bersedia melaksanakan Rancangan Buku Hijau yang telah dibuat 6 bulan dahulu dan yang telah memohon tanah kepada Kerajaan Selangor untuk membolehkan mereka mengambil bahagian dalam rancangan tersebut masih menunggu jawapan berhubung dengan hal ini dengan penuh harapan.

Sila nyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Tuan Michael Chen Wing Sum:

- (i) Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa tiada kekurangan bekalan air di keseluruhan Kampung Baru Serdang. Kekurangan diketahui berlaku di kawasan penduduk-penduduk setinggan dan ini ialah kerana tapak rumah setinggan-setinggan itu tidak teratur dan bekalan air tidak dapat disambungkan. Bekalan air paip umum (stand-pipe) adalah dibuat oleh Jabatan Kerja Raya bagi pihak Kerajaan Negeri yang berkenaan menurut keadaan. Sambungan hanya diberi untuk "stand-pipe" jika Jabatan itu berpuashati bahawa air itu benar-benar menjadi perlu dan digunakan oleh penduduk dengan cermat serta tidak membazir dan merugikan hasil Kerajaan.
- (ii) Kesemua setinggan yang tinggal di Kampung Baru tersebut tidak mengalami tindakan yang keras dari pihak berkuasa. Tetapi tindakan ada diambil terhadap sebilangan kecil setinggan, yaitu mereka yang baru mendatang dan tindakan ini diambil oleh kerana Kerajaan Negeri tidak menggalakkan setinggan baru membiak di kawasan tersebut dan menambatkan masalah serta memberatkan lagi langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk memperbaiki keadaan sekarang.
- (iii) Soalan ini tidak boleh dijawab dengan tepat kerana ianya tidak memberi maklumat yang cukup. Di dalam Mukim Petaling, ada tiga rancangan Buku Hijau yang telah dijalankan, iaitu (i) Mukim Petaling Batu 13, Jalan Kelang yang menanam lima ekar

jagong; (ii) Batu 14 ada satu kolam ikan air tawar; dan (iii) Kampung Paya Jaras ada 12½ ekar jagong dan Kerajaan Negeri ada rancangan untuk membesarkan tempat ini kepada 50 ekar.

RANCANGAN SERANTAU (REGIONAL PLANNING)

52. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi menyatakan, memandangkan lawatan beliau baru-baru ini ke Daerah Bintulu, samada beliau nampak sebarang keperluan pembangunan yang segera bagi kawasan-kawasan rendah pantai antara Bintulu dan Mukah dalam Bahagian Ketiga dan Keempat di Sarawak.

Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi (Datuk Haji Abdul Taif bin Mahmud): Lawatan saya ke Daerah Bintulu baru-baru ini bukanlah bertujuan untuk mengesan sebarang keperluan asas projek pembangunan kerana tugas ini pada pendapat saya seharusnya dilakukan oleh pakar-pakar yang tertentu. Tujuan lawatan itu hanyalah untuk melihat daerah tersebut bagi maksud-maksud rancangan serantau (regional planning) dan menentukan supaya kesan-kesan sosio-ekonomik dinikmati oleh semua rakyat jelata.

UDA—MENYIASAT PENTADBIRAN/PERANAN

53. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Penyelaras Perbadanan Awam menyatakan samada Kementerian beliau akan menyiasat pentadbiran dan peranan UDA dalam usaha-usaha bersama dan penanaman modalnya, memandang kepada beberapa sungutan yang telah disampaikan bersabit dengan amalan-amalan salah oleh pegawai-pegawai tertentu di dalam Perbadanan itu.

Menteri Penyelaras Perbadanan Awam (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Sungutan yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu sangatlah umum, tetapi jikalau Yang Berhormat dapat mengemukakan kes-kes yang tertentu kepada Kementerian saya, siasatan akan dibuat di atas sungutan-sungutan itu dan sekiranya benar maka tindakan yang sewajarnya akan diambil di atas pegawai-pegawai yang terlibat.

TERNAKAN BAKA BAIK

54. Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai rancangan dan bersedia untuk mengadakan peruntukan tambahan untuk membeli binatang-binatang belaan seperti kerbau, lembu, ayam-itek daripada jenis baka baik untuk dibahagikan kepada pekebun-pekebun kecil untuk ternakan dalam kebun-kebun mereka bagi menambahkan pendapatan mereka dari hasil perusahaan getah.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Pembelian ternakan baka baik daripada luar negeri sedang dijalankan dan akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Kebanyakan daripada pengimpotan sekarang adalah bagi maksud-maksud yang tertentu dan mulai dari 1976 lebih banyak ternak-ternak serupa itu akan dapat diadakan.

Penyertaan dalam rancangan-rancangan ternakan yang dibantu oleh Jabatan Haiwan adalah terbuka kepada mereka-mereka yang sesuai, termasuklah mereka-mereka yang juga menjadi pekebun-pekebun kecil.

Melalui RISDA pula, Kerajaan ada mempunyai rancangan pemberian kredit ternakan ayam daging di kebun-kebun getah yang pokok-pokok getahnya berumur lebih dari 3 tahun selepas ditanam semula. Projek ini bertujuan untuk menyambung/menambah pendapatan pekebun-pekebun kecil selepas bantuan tanaman kontan sementara menunggu getah mereka boleh ditoreh dan selepasnya.

INSTITIUT PELAJARAN TINGGI— PELAJAR-PELAJAR BARU

55. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan pengambilan pelajar-pelajar ke Institiut-institiut pelajaran tinggi (tertiary institutions) bagi tahun 1975/76 dan berikan angka pecahan kaum bagi pelajar-pelajar itu.

Dr Mahathir bin Mohamad: Bilangan pelajar-pelajar baru yang diambil ke institiut-institiut pelajaran tinggi termasuk I.T.M. bagi tahun 1975/76 di negara ini ialah 11,042 orang dan pecahan mengikut kaum ialah 7,846 Bumiputra, 2,906 China, 267 India dan 23 lain-lain.

BIASISWA ASEAN KE UNIVERSITI- UNIVERSITI DI MALAYSIA

56. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah pelajar-pelajar Malaysia yang memegang biasiswa-biasiswa ASEAN di Singapura tidak ditimbang untuk masuk ke universiti-universiti di Malaysia walaupun mereka mempunyai keputusan-keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan HSC dan mereka telahpun lulus peperiksaan MCE, dan adakah Menteri sedar bahawa langkah ini adalah tidak bermakna berbanding dengan seruan semangat dan kerjasama ASEAN.

Dr Mahathir bin Mohamad: Dalam urusan kemasukan ke universiti-universiti bagi tahun 1975/76, keutamaan adalah diberikan terlebih dahulu kepada calon-calon warganegara Malaysia yang mengemukakan Sijil Tinggi Persekolahan atau lain-lain kelayakan yang setaraf dengan yang dikeluarkan oleh institusi pengajian tinggi dalam negeri. Oleh sebab bilangan permohonan dalam kumpulan ini terlampau banyak hinggalah ramai di antara mereka terpaksa ditolak maka calon-calon yang terdiri daripada mereka yang mengemukakan kelulusan-kelulusan lain tidak dapat diberi pertimbangan. Calon-calon yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah mengemukakan kelulusan Sijil Am Pelajaran Singapura (peringkat Lanjutan) dan mereka tidaklah dapat diberi layanan melebihi calon-calon yang mempunyai kelulusan STP. Langkah ini saya rasa tidak ada kaitannya dengan semangat kerjasama ASEAN.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Peguambela Sabah; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-Undang dan Peguam Negara; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN)

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan berkenaan dengan perkahwinan-perkahwinan monogami dan pengupacaraan dan pendaftaran perkahwinan-perkahwinan itu; bagi meminda dan menyatukan undang-undang berhubung dengan perceraian dan bagi membuat peruntukan berkenaan dengan perkara-perkara bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-undang dan Peguam Negara; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG SENJATAPI (PENALTI LEBIH BERAT) (PINDAAN)

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat), 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-Undang dan Peguam Negara; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG SENJATA (PINDAAN)

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Senjata, 1960; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-Undang dan Peguam Negara; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN)

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Mahkamah Rendah, 1948; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-Undang dan Peguam Negara; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN) (NO. 2)

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Dadah Berbahaya, 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh

Menteri Undang-Undang dan Peguam Negara; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG (PENCEN DAN GANJARAN) ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI PARLIMEN (PINDAAN)

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-Undang dan Peguam Negara; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG UBAT (IKLAN DAN PENJUALAN) (PINDAAN)

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Ubat (Iklan dan Penjualan), 1956; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kesihatan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG BINATANG (PINDAAN)

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Binatang, 1953; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Masyuarat kali ini.

USUL-USUL

ORDINAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA, 1951

Pindaan kepada Jadual Ketiga

3.39 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil keputusan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 22, Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951, Perintah

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pin-daan kepada Jadual Ketiga), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Dewan sebagai Kertas Undang-Undang No. ST. 26/75 disahkan dan akan mula berkuatkuasa pada 1hb Ogos, 1975.

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa semasa Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan Tahun 1975 di Dewan ini pada 12hb November, 1974 beliau telah menyatakan, di antara lain-lain hal, bahawa Kerajaan sedang mengkaji semula kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi menambahkan simpanan dan memperbaiki persediaan bagi masa tua pekerja-pekerja. Hingga sekarang, kadar ini tetap tidak berubah dari 5% bagi pekerja dan 5% bagi majikan.

Pendapat-pendapat dari pihak majikan dan pekerja telah ditinjau untuk kajian ini. Perhatian utama ialah untuk menentukan supaya jumlah caruman yang dikutip dan terkumpul bagi pekerja-pekerja adalah mencukupi bagi masa tua mereka. Kajian ini juga menyelidik keupayaan membayar bagi pekerja-pekerja dan majikan-majikan, kesan terhadap perkembangan ekonomi negara, keadaan inflasi pada tahun yang lalu dan juga perbandingan dengan kadar caruman kumpulan wang simpanan di negeri-negeri lain.

Setelah menimbang dengan teliti kesemua faktor-faktor itu, keputusan telah dibuat untuk menaikkan kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebanyak 3%, iaitu tambahan 1% bagi pihak pekerja dan 2% bagi pihak majikan. Dengan itu kadar caruman berkanun yang baru ialah 6% bagi pekerja dan 7% bagi majikan, menjadikan 13% semuanya berbanding dengan 10% pada masa sekarang. Tuan yang di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat pun barangkali sedia maklum bahawa majikan sekarang akan mencarum 1 peratus lebih dari pekerja-pekerja dan saya suka mengucapkan terima kasih kepada pihak majikan kerana memberi persetujuan.

Saya suka mengingatkan Dewan ini yang tujuan utama Kumpulan Wang ini ialah untuk memberi jaminan kepada masa tua pekerja-pekerja, bila mereka telah bersara.

Tujuan ini tidak akan dapat dicapai jika pencarum-pencarum d'benarkan mengeluarkan caruman mereka lebih awal dari tarikh

yang ditetapkan oleh undang-undang dan mengikut syarat-syarat pada waktu sekarang. Saya sedar bahawa banyak permintaan dari pencarum-pencarum untuk mengeluarkan caruman mereka lebih awal, dan permintaan ini akan diteliti dalam kontek tujuan utama Kumpulan Wang ini ditubuhkan.

Seksyen 22 (1), Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951 memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk meminda Jadual Ketiga Ordinan ini dengan Perintah. Seksyen 22 (2) pula menghendaki Perintah tersebut dibentangkan di dalam Dewan Rakyat dan mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan di dalam usul meluluskan Perintah tersebut. Perintah meminda kadar caruman di Jadual Ketiga Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951 dibentangkan sebagai Kertas Statut No. ST. 26/75. Persetujuan Dewan ini adalah diminta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-cadangkan.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.40 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil perhatian Dewan ini dalam usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi. Saya suka memberitahu bahawa ada sedikit kesilapan teknikal dalam usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kertas ST. 26/75 muka surat 1, Jadual Ketiga; muka surat 2 kita dapat lihat sambungan dari muka 1 ialah "When the wages exceed" \$260 tidak ada sambungan sebab dari muka 1 "when the wages exceed" \$260 but do not exceed \$280 tidak ada sambungan di muka surat 2. Dan selepas muka surat 2, at the end of page 2, kita dapat lihat "When the wages exceed" \$2,500 but do not exceed \$2,520 juga tidak bersambung ke muka surat 3. Kemudian muka surat 3, "When the wages exceed" \$2,280 but do not exceed \$3,000 itu ada dalam Bahasa Malaysia, tetapi berlaku kesilapan teknikal pula di dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya Kertas Statut 26/75 dan lain-lain Rang Undang-undang atau usul tidak dapat disiapkan pada masa yang sesuai supaya ada masa yang panjang untuk pihak Kerajaan boleh menyiasat undang-usul atau Undang-undang seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 3, saya rasa pun ada sedikit kesilapan teknikal iaitu:

"The Employees Provident Fund (Amendment of Third Schedule) Order, 1975 is hereby cancelled."

Saya sebutkan demikian, sebab pada 23hb Mei, 1975, Kerajaan telah menggezet satu usul seperti apa yang kita lihat dan kita baca hari ini, tetapi usul itu bertarikh 23hb Mei, 1975, belum dikemukakan dalam Parlimen. Cadangan saya ialah jika Parlimen belum meluluskan usul bertarikh 23hb Mei, 1975 apakah sebabnya Parlimen dikehendaki menolak atau batalkan satu usul atau satu Akta yang kita belum luluskan. Ini satu atau dua kesilapan teknikal yang saya suka membawa kepada perhatian Dewan ini, dan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tadi sudah elok menggunakan Bahasa Malaysia, teruskan. Teruskan dalam Bahasa Malaysia!

Tuan Oh Keng Seng: Bolehkah saya campur-campur?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Teruskan dalam Bahasa Malaysia, sudah elok tadi.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Speaker, saya ada sedikit pandangan dalam usul ini dan saya suka mengemukakan dalam Dewan ini, iaitu saya suka menyeru kepada Kerajaan menimbang cadangan saya supaya ahli-ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja boleh menggunakan kredit mereka untuk membeli rumah atau untuk membayar down payment untuk rumah dan saya suka mencadangkan juga menyeru kepada Kerajaan untuk menimbang dan memberi kepada ahli-ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja menggunakan kredit mereka untuk membeli kebun-kebun kecil. Inilah cadangan saya, sebab saya rasa inilah satu cadangan yang ramai ahli-ahli suka (popular demand). Semua ahli-ahli ialah pekerja, all of them belong to the

working class. It may be the good intention of the Government to safeguard the interest of workers by having a scheme whereby . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Siapa yang mengizinkan Ahli Yang Berhormat bercakap dalam bahasa Inggeris?

Tuan Oh Keng Seng: Tadi saya ada minta izin.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya kata teruskan dalam Bahasa Malaysia, kalau tidak, bila lagi hendak bercakap dalam Bahasa Malaysia. Campur sedikit-sedikit istilahnya, terminology itu tak apa.

Tuan Oh Keng Seng: Baik, terima kasih. The present scheme of the Government is to allow the worker to withdraw

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu bukan istilah! Cakaplah dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Speaker, sekim sekarang ialah Kerajaan akan memberi kuasa atau setuju kepada ahli-ahli menggunakan wang mereka atau withdraw wang mereka apabila beliau sampai had umur 55 tahun atau bersetuju mereka withdraw one-third of the money at a certain age. Sekim ini pada pendapat saya ialah out-of-date, tidak boleh dipakai lagi, sebab warganegara Malaysia sekarang pendapatan mereka adalah bertukar, social value sudah bertukar dan juga monetary value pun sekarang adalah bertukar. Kita tidak boleh tunggu sampai umur 55 tahun. Sampai 20 tahun, saya rasa nilai wang ringgit akan turun menjadi kecil, the value of the money will be drastically changed in 20 years' time. With a sum of \$15,000, today one may buy a decent house or buy five acres of rubber estate, but what is this sum of \$15,000 worth in 20 years time? Inilah cadangan saya.

Tuan Speaker, cadangan saya yang kedua, ialah saya menyeru Kerajaan supaya menimbang untuk menaikkan kadar-kadar faedah (interest rate). Yang ada sekarang ialah 6.6% kepada calculated on the balances of the preceding year. Kadar sekarang, pada pendapat saya adalah sangat rendah. Bank-bank atau syarikat kewangan membayar kadar faedah kepada depositors ialah daripada 9% sampai 12% dan wang-wang yang

dikutip oleh E.P.F. ialah untuk long-term investment, patutlah E.P.F. boleh memberi interest rate yang lebih tinggi daripada bank. Di sini saya harap Kerajaan boleh timbang dan menaikkan kadar faedahnya supaya ahli-ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja boleh dapat faedah yang adil.

Tuan Speaker, saya dapat tahu contributions kepada Board ini macam contribution dalam tahun 1975 tidak mendapat faedah langsung. Inilah satu sekim atau satu rancangan yang tidak sesuai. Contribution tahun ini boleh dapat faedah di dalam akhir tahun 1976, contribution tahun 1975 tidak dapat langsung satu sen interest tetapi E.P.F. Board menggunakan wang ahli-ahli terus dari bulan Januari sampai Disember, interest free. Inilah satu rancangan yang tidak baik dan saya harap Kerajaan boleh tukar mana-mana rancangan yang tidak baik.

Tuan Speaker, saya nampak dari Jadual Ketiga, Kerajaan akan mencadangkan bahawa contribution dari employee ialah \$6 per \$100 dan \$7 dari majikan. Pada fikiran saya, contribution dari majikan tidak memuaskan, sangat rendah, tidak mencukupi sungguhpun majikan terpaksa contribute sangat banyak jikalau seorang employee bergaji lebih \$1,000 tetapi jikalau seorang pekerja yang mendapat gaji rendah, contribution dari pihak majikan sangat rendah. Di sini saya suka mencadangkan kepada Kerajaan bahawa contribution tidak payah jikalau pendapatan pekerja ini rendah atau tidak sampai \$200. Semua contribution akan dibuat oleh majikan. Dan di sini saya pun suka mencadangkan supaya Kerajaan membuat satu sliding scale contribution supaya kalau seorang pekerja yang berpendapatan rendah contribution oleh majikan hendaklah lebih sedikit.

Inilah cadangan saya, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bahasa Malaysia yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah bagus.

4.01 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bercakap sepatah dua atas usul yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan. Di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin juga bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat dari Petaling bagus bercakap dalam Bahasa Malaysia. Yang Berhormat dari Kepong lebih lama jadi Ahli Dewan ini dan lebih baik lagi bercakap dalam Bahasa Malaysia. Sila bercakap dalam Bahasa Malaysia sahaja. Cuba mula!

Dr Tan Chee Khoon: Saya akan cuba.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Timbalan Menteri Kewangan boleh mengambil perhatian apa yang disebutkan oleh wakil dari Petaling iaitu angka-angka ini semua terbalik nampaknya, senarai caruman daripada pekerja-pekerja dan daripada majikan semua terbalik dan ini kalau Kerajaan tidak mengambil tindakan untuk membetulkan kesalahan ini akibatnya barangkali boleh dikatakan serious.

Yang kedua, saya juga berpendapat caruman daripada majikan perlu dinaikkan. Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan pada masa dahulu pekerja-pekerja membayar 5 peratus dan majikan pun membayar 5 peratus tetapi dalam Statute ini pekerja perlu membayar 6 peratus dan majikan 7 peratus. Ini bermakna pekerja-pekerja boleh dapat 3 peratus lebih dan selepas itu pekerja-pekerja yang mendapat gaji \$1,000 caruman itu ada lebih sedikit daripada 6 peratus dan 7 peratus untuk majikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan boleh menimbang perkara ini atau caruman ini daripada majikan dan pada pendapat saya caruman daripada majikan perlu dinaikkan daripada 7 peratus kepada 8 peratus supaya pekerja-pekerja membayar 6 peratus dan majikan membayar 8 peratus.

Yang kedua, saya seperti wakil dari Petaling hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan mengapa faedah atau bunga atau dividen daripada E.P.F. begitu rendah? Tadi wakil dari Petaling telah menyatakan E.P.F. membayar 6.6 peratus tetapi kita sedar kalau kita simpan wang di Finance Company kita boleh dapat sekurang-kurangnya 7 peratus dan kalau jangka masa panjang (long-term) pendeposit itu boleh dapat 10 peratus, 11 peratus atau 12 peratus.

Saya bukan menyakan E.P.F. perlu membayar 10 peratus, 11 peratus atau 12 peratus, tetapi pada pendapat saya E.P.F. perlu membayar lebih sedikit daripada 6.6 peratus.

Selain daripada itu, saya pun hendak menarik perhatian Timbalan Menteri yang berkenaan pada masa sekarang pencarum boleh mengeluarkan atau menarik satu per tiga (one-third) wangnya apabila mereka sampai umur 50 tahun dan maksud mulamulanya untuk mereka boleh membeli rumah atau tanah.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar semua pencarum bukan kakitangan Kerajaan. Kalau seorang pencarum ialah kakitangan Kerajaan maka pencarum itu boleh meminjam daripada Kerajaan dengan bunga yang rendah iaitu 4 peratus sahaja. Tetapi pencarum yang datang daripada pihak swasta mereka tidak boleh meminjam wang daripada sesiapa pun. Dan kalau mereka hendak membeli rumah apabila mereka sampai umur 50 tahun, satu pertiga itu tidak mencukupi langsung dalam zaman inflasi sekarang. Oleh sebab itu, saya berharap Kerajaan atau Lembaga E.P.F. boleh menimbang supaya pencarum apabila mereka sampai umur 45 tahun boleh mengeluarkan bukan semua tetapi separuh wangnya atau lebih sedikit daripada separuh wangnya supaya mereka boleh membeli rumah atau tanah dan apabila mereka bersara mereka ada tempat duduk untuk menginap.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang kalau pencarum sampai umur 50 tahun dan kalau mereka dapat cuma satu pertiga, itu tidak mencukupi langsung dan masa untuk mereka atau pekerja-pekerja boleh membeli rumah tidak mencukupi. Mereka ada 5 tahun sahaja membayar instalment untuk rumah tetapi selepas 50 tahun mereka bersara bagaimana mereka boleh dapat wang untuk membayar instalment tersebut? Tetapi kalau mereka ada peluang untuk mengeluarkan wangnya dan membeli rumah apabila mereka sampai umur 45 tahun, mereka ada 10 tahun untuk membayar deposit dan untuk membayar instalment sebuah rumah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya berharap Lembaga E.P.F. boleh menimbangkan apabila mereka tidak boleh bekerja mereka boleh mengeluarkan wangnya. Saya sedar di dalam Dewan ini saya sendiri dan wakil lain pun ada membangkit perkara ini. Dalam undang-undang sekarang apabila seorang pekerja hilang dua biji mata, mereka

tidak boleh mengeluarkan wangnya oleh sebab pada pendapat E.P.F. seorang buta pun boleh bekerja. Oleh sebab itu, pekerja itu tidak boleh mengeluarkan wangnya, atau seorang pekerja yang hilang tangan kanan seperti seorang jurutaip atau kerani umpamanya yang menggunakan tangan kanan, pada pendapat E.P.F. pekerja itu tidak perlu mengeluarkan semua wangnya oleh sebab mereka boleh belajar menulis dengan tangan kiri, dan ada doktor-doktor yang memberi surat akuan semua tidak berjaya oleh sebab sikap ini ialah daripada E.P.F.

Saya berharap Lembaga E.P.F. boleh berhubung dengan Persatuan Doktor-doktor Malaysia (Malaysian Medical Association) supaya kita boleh mengambil sikap yang adil, bukan kepada pekerja-pekerja sahaja tetapi juga kepada E.P.F. supaya pekerja-pekerja yang benar-benar tidak boleh bekerja boleh mengeluarkan wangnya. Mengikut sikap dan barangkali peraturan-peraturan yang ada sekarang pekerja yang pada pendapat doktor tidak boleh bekerja tidak juga dibenar mengeluarkan wang daripada E.P.F.

4.12 ptg.

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan terhadap Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Tahun 1951, Perintah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan kepada Jadual Ketiga), 1975.

Saya suka membangkitkan satu masalaah di dalam sumbangan oleh pekerja-pekerja. Ada satu masalaah yang saya dapati iaitu jika seseorang contributor meninggal dunia di dalam masa bekerja, contributor itu telah memberi penama (nominee) tetapi ada satu kes yang tidak boleh dilakukan oleh sebab nominee yang diberi kepada Lembaga E.P.F. itu ialah seorang kawannya, jadi contributor itu telah meninggal dunia. Sebelum dia meninggal dia terlupa menukar nama nominee kepada nama isterinya, jadi dalam hal ini isterinya tidak dapat Surat Kuasa (letters of administration) dan dia tidak boleh dapat wang yang disimpan di dalam E.P.F. itu.

Saya ada satu kes lagi seperti ini, kita telah mencari nominee yang telah diberi itu, tetapi tidak boleh dapat; yang saya tahu last known address di Gua Musang. Kita telah

juga iklankan dalam suratkabar dan men-carinya di antara kawan-kawan dan keluarga-nya tetapi tidak juga dapat. Sekarang Lembaga E.P.F. mengatakan wang itu tidak boleh dikeluarkan oleh sebab wang itu telah diberikan kepada nominee.

(*Dengan izin*) Di dalam undang-undang, if a person is nominated, then it is considered a gift *inter vivos* and therefore, although the widow is the successor under the laws of intestacy and she has obtained the Letters of Administration, because the nominee is still alive, she cannot obtain the balance of the sum that is standing to the credit of the deceased contributor. This is an anomaly in the E.P.F. laws. Saya harap Timbalan Menteri boleh mengambil perhatian di atas perkara ini.

Ada satu kes lagi yang melibatkan letters of administration juga, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan boleh menimbangkan iaitu sebelum Surat Kuasa dikeluarkan, dibenarkan sepenuhnya atau 90% seperti insuran polisi dikeluarkan kepada keluarga yang susah. Oleh sebab sesudah setahun dua baru boleh dapat Letters of Administration, ini satu perkara yang susah kepada keluarganya. Oleh itu, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan boleh mengambil perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada mencadangkan jika Lembaga EPF boleh menimbangkan sebelum umur 50 mereka boleh dibenarkan keluar separuh wangnya untuk membeli rumah atau membeli tanah, ini bukan sahaja boleh menolong kepada orang yang tidak ada wang tetapi juga kepada pekerja-pekerja di dalam kompani-kompani seperti labourers atau orang yang berpendapatan rendah. Di harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bolehlah menimbangkan hal itu sebelum sampai umur mereka 45 tahun atau jika contributor ada keluarga yang besar bolehlah minta loan daripada EPF untuk membeli rumah atau membeli tanah. Saya harap juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, koram tidak cukup.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Mantin, minta duduk sebentar.

(*Locing dibunyikan: Ahli-ahli dikira lebih dari 26 hadir*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat dari Mantin menyambungkan ucapannnya.

Tuan Lee Boon Peng: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada menyatakan berkenaan kadar faedah. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh berhubung dengan Lembaga EPF supaya kadar faedah itu boleh ikut banking prime rate.

Kita tahu di dalam tahun 1973 ada beberapa banyak wang daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah dipinjamkan kepada institusi-institusi dan institusi-institusi telah membayar faedah mengikut faedah banking prime rates. Jadi bagi mereka yang mencarumkan wang di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, wang itu harus juga mendapat benefit dan mesti mendapat balek faedah yang Lembaga dapat dari institusi-institusi yang telah borrow money daripada Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah berkata, jikalau Menteri Kewangan boleh timbang hal ini sebelum letters of administration ataupun memohon administration daripada public administrator, jika baki wang di dalam nama contributor tidak dapat \$1,000 bolehkah Lembaga mengeluarkan wang itu dengan tidak payah memohon letters of administration? Ini adalah satu langkah yang boleh menolong contributors dan barangkali buruh-buruh yang miskin yang mempunyai pendapatan rendah jika hendak mencari peguam untuk memohon satu letters of administration, mereka mesti kena bayar legal fees, stamp fees, court fees. Jadi wang itu lebih kurang one-tenth of the \$1,000 or even more than that and what is the benefit to the poor contributor. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh menimbangkan perkara itu khasnya anomaly di dalam law of nominee yang telah saya sebutkan tadi.

4. 25ptg.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini. Tidak syak lagi bahawa kadar tambahan pencaruman kepada KWSP ini dengan kadar 6% bagi pekerja dan 7%

bagi majikan sudah tentu memberi faedah-faedah kepada pekerja-pekerja. Tetapi, saya suka mengambil peluang disini menimbulkan dua perkara sahaja untuk perhatian Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Yang pertama, tentang pelaksanaan pencaruman yang biasa dijalankan sekarang iaitu dengan cara majikan memotong gaji dari pekerja-pekerja dan menambahkan pencaruman yang ditentukan kepada majikan dan dihantarkan kepada pihak KWSP. Dalam cara yang dijalankan sekarang barangkali tidaklah begitu ketat sehingga terdapat sungutan-sungutan mengatakan ada setengah-setengah majikan yang menyalah-gunakan kuasa ini dengan memotong gaji pekerja-pekerja untuk pencaruman KWSP tetapi tidak dihantarkan kepada pihak KWSP. Ada sungutan-sungutan yang berlaku terutama sekali pada majikan-majikan yang kecil-kecil yang barangkali tidak mempunyai pentadbiran yang begitu lengkap. Juga berlaku kepada syarikat-syarikat kontraktor antarabangsa, umpamanya yang telah membuat kerja kontrak di dalam negara ini di dalam jangka masa yang singkat. Ada terdapat sungutan, umpamanya pekerja-pekerja yang bekerja dengan syarikat kontraktor antarabangsa yang bekerja di sini dalam satu dua tahun sahaja, gaji mereka dipotong pada tiap-tiap bulan untuk pencaruman kepada KWSP tetapi mereka tidak mendapat Sijil-sijil Simpanan mereka yang sah. Pada masa syarikat-syarikat besar itu telah menyempurnakan kerja mereka di negara ini, pekerja-pekerja itu tidaklah dapat lagi menghubungi syarikat-syarikat yang berkenaan. Pandangan saya ini adalah secara umum, Tuan Yang di-Pertua, dan cuma saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat diadakan kerjasama yang erat barangkali dengan pihak Kementerian Buruh ataupun Jabatan Buruh di negeri-negeri supaya mengawasi perkara ini terutama sekali bagi menentukan pekerja-pekerja kita yang diluar bandar tidak teraniaya dengan perbuatan setengah-setengah majikan yang menyalah-gunakan kuasa memungut pencaruman ini untuk kepentingan mereka.

Perkara yang kedua, saya suka juga memberi sokongan kepada pendapat Ahli Yang Berhormat yang bercakap terdahulu daripada saya iaitu supaya mengkaji semula had umur bagi membolehkan seseorang pekerja mengeluarkan balik wang simpanan daripada KWSP. Kita tahu sekarang ini Kerajaan kita

menggalakkan tiap-tiap orang rakyat mengambil bahagian yang cergas terutama sekali di dalam kegiatan-kegiatan di bawah Dasar Ekonomi Baru bagi setiap orang samada dia bekerja ataupun rakyat biasa mengambil bahagian seboleh-bolehnya di dalam lapangan perniagaan dan sebagainya. Kita dapati ada setengah pekerja-pekerja terutama sekali yang bekerja dengan tidak mempunyai kerja tetap dengan Kerajaan, pekerja-pekerja dengan syarikat-syarikat swasta umpamanya, setelah berumur 40 tahun barangkali mempunyai peluang perniagaan yang baik dan pada masa itu mereka berniat hendak terus menukarkan lapangan hidup mereka itu dalam lapangan perniagaan dengan tidak mahu lagi bekerja dengan makan gaji dan pada masa itu mereka berkehendakan sedikit wang untuk modal perniagaan dan barangkali mereka berkehendakkan wang untuk mengeluarkannya daripada KWSP ini. Jadi cadangan dan syor saya supaya dikaji semula. Saya tidaklah hendak mencadangkan had umur berapa bagi membolehkan seseorang pekerja itu mengeluarkan wang simpanannya, tetapi sebagai syor secara umum supaya had ini dikaji semula dengan tujuan memberi kemudahan kepada pekerja-pekerja mengeluarkan wangnya dengan tujuan-tujuan yang baik samada untuk membeli rumah ataupun memulakan jurusan hidup yang baharu dilapangan perniagaan.

4.30 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa point sahaja di dalam sumbangan saya di dalam perbahasan atas usul ini. Sungguhpun sebenarnya tidak berapa elok kita bincangkan sebelum usul ini dibetulkan seperti yang diterangkan oleh saudara saya dari Petaling, ada kelam-kebut dari segi percetakan Kertas Statute ini di mana naskah Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris semua bercampur-aduk tetapi barangkali nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memberi panduan kepada Dewan ini bagaimana kita akan membuat satu ketetapan dengan usul ini.

Saya rasa sangat mustahak bahawa Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mesti mengadakan satu kajian baru mengenai dasar-dasar pelaburan atau investment policies mengenai caruman-caruman yang ada dalam tangan Lembaga K.W.S.P., oleh kerana bukan sahaja wang itu wang pekerja dan pekerja-pekerja ada berhak menunggu

sehingga bersara baru dapat caruman dan dividen. Tetapi saya rasa mereka ada hak caruman-caruman yang beratus-ratus juta ringgit dalam E.P.F. yang dilaburkan (invest) dengan objektif di mana pekerja-pekerja boleh dapat faedah bukan sahaja menunggu sehingga retire (bersara) barulah mereka dapat apa yang mereka berhak. E.P.F. mestilah menggunakan wang itu untuk projek-projek pembangunan atau projek-projek di mana pekerja-pekerja boleh dapat faedah. Apa yang saya tahu ini tidak dibuat oleh E.P.F. dan wang E.P.F. menjadi punca yang mustahak kepada wang Kerajaan untuk projek-projek Kerajaan. Saya rasa kita mesti ada satu definasi atau satu distinction antara projek-projek Kerajaan dan projek-projek yang boleh memberi faedah kepada pekerja-pekerja dengan secara direct.

Yang kedua, oleh kerana wang ini ialah wang pekerja, saya rasa pengurusan atau management wang E.P.F. mesti lebih berkesan daripada apa yang ada sekarang untuk wakil-wakil pekerja. Saya tahu pada satu masa dahulu di mana wakil-wakil daripada pihak pekerja tidak dilantik barangkali ada berlaku satu-satu perkara dahulu di mana pada satu masa wakil-wakil pekerja tidak dilantik, tetapi dikosongkan, dan terpaksa M.T.U.C. membuat bantahan beberapa kali. Saya tidak tahu apa sebabnya mengakibatkan keadaan itu. Tetapi satu kesimpulan yang sangat terang ialah dalam pandangan E.P.F., wakil-wakil pekerja bukan mustahak, orang-orang yang hangers-on sahaja. Itu saya rasa satu pandangan dan satu sikap yang salah. Sebaliknya, saya rasa satu pandangan baru mesti diambil di mana pengurusan polisi-polisi EPF mesti di-kendalikan oleh satu lembaga di mana wakil-wakil pekerja mesti mempunyai suara terbanyak (majority), sebab yang terlibat ialah wang pekerja.

Ketiga, ada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat ada menyebutkan iaitu kita rasa sangat mustahak menitik-beratkan wang-wang pekerja sungguhpun untuk menjamin masa depan mereka selepas bersara tetapi mestilah memberi erti. Sekarang seorang yang bersara yang bergaji rendah dapat \$5,000—\$6,000 itu tidak berguna selepas 20 tahun. Tetapi jikalau mereka boleh gunakan wang itu sekarang untuk down payment membeli sebuah rumah itu akan berfaedah, dan itu selaras dengan tujuan E.P.F. untuk menjamin masa depan mereka apabila bersara

dapat satu kedudukan yang terjamin. Walaupun sebuah rumah, ini satu aspek di mana menjamin kedudukan pekerja-pekerja selepas bersara. Oleh itu, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh gunakan jasa baiknya untuk mengadakan satu kajian baru di mana caruman-caruman boleh digunakan sebagai satu down payment bagi pekerja-pekerja untuk membeli rumah.

Usul di hadapan kita ini ada dua hal yang baru:

- (i) Peratus contribution dinaikkan daripada flat rate 5% kepada 6% untuk pekerja dan 7% untuk majikan.
- (ii) Pekerja-pekerja yang bergaji lebih \$500 dahulu diberi optional iaitu hendak contribute atau tidak, tetapi sekarang semua yang bergaji diwajibkan kena contribution. Mengenai peratus contribution sungguhpun prinsipnya adalah baik, lebih tinggi peratus lebih terjamin pada masa bersara, tetapi saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memikirkan dan timbangkan keadaan orang-orang yang bergaji rendah seperti \$100, \$150, \$200 di mana kalau diwajibkan pembayaran peratus lebih tinggi kepada orang yang sekarang sangat susah dan pahit dalam penghidupan mereka. Itu adalah merupakan satu pukulan kepada orang-orang yang bergaji \$100, \$120 kerana diwajibkan membayar sebanyak \$2, \$3 dan ditambah pula inflasi yang mana kenaikan harga barang menjadi satu aspek. Saya rasa Kerajaan mestilah timbangkan hal ini, dan oleh sebab itu pihak DAP harap bahawa Kerajaan boleh kecualikan kenaikan contribution kepada pekerja-pekerja yang bergaji di bawah \$200 dan meninggalkan peratus contribution oleh majikan. Jika tidak, satu keadaan di mana mereka merasa lebih pahit dalam kehidupan mereka, dan pihak DAP menyeru Kerajaan mengkaji semula peratus contribution majikan dinaikkan kepada 10%, oleh kerana itu satu tindakan yang boleh menolong kaum pekerja di negara kita.

Itulah ulasan saya, terima kasih.

4.48 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan kesal dan dukacita oleh kerana nampaknya

Kertas Statut ini telah terdapat kesilapan bila Kertas Statut ini dicetak. Tetapi sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, isi dalam Kertas ini benar, tidak ada yang tidak betul. Jika Ahli Yang Berhormat menyambung muka surat 1, sekarang ini muka surat 7, boleh menjadi muka surat 2 dan muka surat 2 menjadi muka surat 7, dan disambung di muka surat 3 dan 4. Saya minta maaf oleh kerana apabila pencetak mencetak Kertas ini telah tersilap. Tetapi saya tegaskan di sini bahawa kadar yang dicetak di dalam ini adalah benar dan boleh disahkan, tidak boleh dikatakan sebagai serious.

Saya juga hendak memberi ucapan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan dan teguran-teguran atas Usul ini.

Ahli Yang Berhormat dari kawasan Petaling telah membangkitkan sekali lagi masaalah-masaalah berkaitan dengan kredit-kredit yang disimpan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja apabila sampai masanya pekerja-pekerja itu tidak boleh bekerja lagi dan bersara ataupun apabila meningkat umur 55 tahun. Cadangan itu ialah supaya pekerja-pekerja atau pencarum-pencarum bolehlah mengeluarkan kredit-kreditnya yang ada di dalam simpanannya untuk membeli rumah ataupun membayar beransur-ansur harga atas sesebuah rumah. Perkara ini pun dibangkitkan oleh semua Ahli yang bercakap pada petang ini.

Seperti mana yang saya telah terangkan tadi Ahli-ahli Yang Berhormat mestilah ingat bahawa tujuan utama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini ialah untuk menyimpan wang supaya apabila pekerja-pekerja itu bersara, mereka bolehlah mendapat sedikit-sebanyak wang apabila mereka tua dan barangkali tidak mampu bekerja lagi. Saya mengakui bahawa ada juga pekerja-pekerja yang ada minat hendak membeli rumah sewaktu mereka bekerja dan sebelum mereka bersara. Tetapi masaalah perumahan ini dihadapi bukan sahaja oleh pencarum-pencarum bahkan dihadapi oleh semua rakyat samada dia menjadi pencarum ataupun tidak dan tujuan Kerajaan ialah supaya wang yang ada di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja boleh ditumpukan ke atas beberapa projek rancangan-rancangan ekonomi Kerajaan termasuk projek-projek perumahan untuk semua peringkat rakyat bukan sahaja

kepada pencarum-pencarum. Saya berharap dengan penjelasan ini Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah menyiapkan kepada tujuan utama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling meminta samada faedah yang diberi kepada pekerja-pekerja ini adil ataupun tidak dan cadangan beliau ialah supaya kadar faedah ini mengikut kadar faedah yang dibayar oleh bank-bank perdagangan. Sukacita saya mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat ini bahawa kadar faedah (interest) yang dibayar oleh Lembaga ini ialah dikecualikan daripada cukai pendapatan dan jika sekiranya termasuk cukai pendapatan boleh dikatakan bahawa faedah (interest) yang dibayar sekarang ini seimbang dengan faedah-faedah yang dibayar oleh bank-bank perdagangan. Dan samada Lembaga ini boleh mengambil langkah-langkah supaya melaburkan modal ini untuk mendapat faedah yang lebih tinggi ialah satu masaalah ataupun satu dilemma yang dihadapi oleh Lembaga dan oleh Kerajaan, khasnya Kementerian saya oleh kerana tujuan utama Lembaga ini ialah untuk menyimpan wang untuk pekerja-pekerja. Lembaga itu menjadi sebuah Lembaga Amanah dan sebagai sebuah amanah Lembaga itu tidak boleh dengan sesuka hatinya melaburkan modal itu di dalam syarikat-syarikat yang barangkali ada mengeluarkan saham-saham, tetapi saham-saham itupun menjadi saham-saham yang barangkali boleh menjadi spekulasi. Saya hendak menerangkan di sini bahawa jika sekiranya Lembaga itu tidak sanggup membayar balik wang-wang yang disimpan di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja itu kepada pencarum-pencarum yang tertentu Kerajaan mesti membayar wang itu atas nama Lembaga. Ini bermakna bahawa Lembaga itu ialah satu Lembaga Amanah. Samada faedah (interest) yang dibayar sekarang ini adil ataupun tidak, barangkali tidak timbul oleh kerana jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat boleh membaca laporan-laporan Lembaga ini dalam masa yang lampau bolehlah dilihat dan mengambil perhatian bahawa kadar faedah ini telah naik dari semasa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada membangkitkan tentang kadar faedah ini dan saya telahpun memberikan penjelasan tentang perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Mantin telah memberi dua tiga cadangan yang boleh dikatakan constructive berkaitan dengan masaalah-masaalah yang dihadapi oleh waris-waris pekerja ataupun keluarga seseorang pekerja apabila pekerja itu mati dan boleh jadi pekerja itu ada memasukkan nama nominee di dalam borang yang tertentu dan tidak diubah. Saya sendiri adalah mengetahui tentang ada juga pekerja-pekerja atau pencarum-pencarum yang mengisikan borang-borang yang tertentu apabila mereka mula bekerja dan mula menjadi ahli di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Malangnya apabila pekerja itu berkahwin mereka tidak menukarkan nama di dalam borang itu dan apabila ada kejadian terhadap pekerja itu umpamanya mati barangkali nama di dalam borang itu patut ditukarkan. Ini satu masaalah undang-undang dan saya akan mengkaji soal ini oleh kerana nampaknya boleh menimbulkan kesukaran dan kesusahan kepada waris-waris yang patut mendapat faedah-faedah yang disimpan dalam Lembaga itu. Dan seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mantin boleh jadi juga ada conflict of laws di mana peruntukan di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini berlawanan ataupun bertentangan dengan peruntukan-peruntukan dalam undang-undang yang lain berkaitan small estates, dan samada Lembaga itu boleh mengeluarkan wang sebelum pekerja-pekerja ataupun waris-waris pekerja mendapat letters of administration. Inipun satu masaalah yang saya akan kaji dengan Lembaga oleh kerana barangkali ada juga menjadi kesusahan kepada orang-orang yang berpendapatan rendah, jika sekiranya mereka menunggu dengan begitu lamanya untuk mendapatkan letters of administration sebelum mereka ada hak mendapat kredit-kredit yang disimpan di dalam Lembaga.

Ahli Yang Berhormat dari Besut telah membangkitkan mengenai masaalah-masaalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja apabila mereka bekerja dengan syarikat-syarikat antarabangsa yang bekerja di sini dalam tempoh yang singkat. Ini saya berharap kepada Ahli Yang Berhormat bolehlah menasihatkan kepada pekerja-pekerja yang mendapat butir-butir mengenai pencarumannya daripada K.W.S.P. dan saya juga akan mengambil perhatian atas masaalah seperti ini supaya Lembaga dan inspectoratunya boleh tahu tentang kedudukan syarikat-syarikat sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Setakat inilah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya berikan jawapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara ini. Oleh kerana Ahli dari Kota Melaka telahpun membangkitkan satu pandangan iaitu Kerajaan atau Lembaga patut mengadakan projek-projek yang tertentu untuk faedah pencarum-pencarum dalam E.P.F., sukacita saya nyatakan di sini bahawa punca-punca wang, sumber-sumber wang yang dapat dari Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bukan untuk projek Kerajaan. Projek Kerajaan bukan untuk Kerajaan, projek Kerajaan ialah untuk rakyat semua dan rakyat semua adalah juga pencarum-pencarum. Ada juga Ahli yang memberi pandangan bahawa sepatutnya pihak majikan membayar lebih caruman daripada pihak pekerja. Saya telah terangkan bahawa kedua-dua pihak dapat memberikan pandangan-pandangan kepada saya atas perkara ini dan bersetuju bahawa kedua-dua pihak pun mesti ada kenaikan kadar seperti ini.

Saya harap usul yang dibentangkan ini boleh diterima oleh Ahli-ahli.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 22, Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951, Perintah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan kepada Jadual Ketiga), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Dewan sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 26/75 disahkan dan akan mula berkuat-kuasa pada 1hb Ogos, 1975.

ORDINAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA, 1951

Pindaan kepada Jadual Pertama

4.55 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut Kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam seksyen 22, Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951, Perintah

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pin-daan Kepada Jadual Pertama), 1957 yang telah dibentangkan di hadapan Dewan sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 56/75 disahkan dan akan mula berkuatkuasa pada 1hb Ogos, 1975.

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bila sistem Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mula diadakan, pekerja-pekerja yang dikehendaki mencarum hanyalah mereka yang mendapat gaji kurang dari \$500 sebulan. Ini ialah oleh kerana pada mulanya, jentera pentadbiran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja masih belum boleh membuat pungutan dari semua pekerja-pekerja, dengan tidak menetapkan had gaji. Had \$500 sebulan tersebut telah dimansuhkan bagi Semenanjung Malaysia mulai dari 1hb Disember, 1970. Had ini diteruskan di Sabah dan Sarawak, oleh kerana Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi kedua-dua negeri hanya baru ditubuhkan pada tahun 1969. Dengan itu, walaupun semua pekerja-pekerja di Semenanjung Malaysia dikehendaki mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, walau berapa banyak pun gaji mereka, pekerja-pekerja di Sabah dan Sarawak hanya dikehendaki mencarum jika gaji mereka ialah berkurangan dari \$500 sebulan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Setelah dikaji dengan teliti, keputusan telah dibuat bahawa had \$500 sebulan tersebut di Sabah dan Sarawak hendaklah dibatalkan. Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi Sabah dan Sarawak telahpun ditubuhkan beberapa tahun lamanya dan boleh mengendalikan lebih banyak pekerja-pekerja yang ditetapkan menjadi pencarum.

Kerajaan negeri Sabah dan Sarawak telah dihubungi dan telah bersetuju dengan paman-suhan had ini. Satu proviso menetapkan yang pegawai-pegawai kontrek di kedua-dua negeri itu dikecualikan daripada membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, seperti yang telah dijalankan di Semenanjung Malaysia. Selain daripada itu, pegawai-pegawai luar negeri juga dikecualikan daripada membuat caruman, sama seperti di Semenanjung Malaysia.

Had \$500 ini ditetapkan di dalam Jadual Pertama kepada Ordinan K.W.S.P. Seksyen 22 (1) Ordinan Kumpulan Wang

Simpanan Pekerja, 1951, memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk meminda Jadual Pertama Ordinan tersebut. Seksyen 22 (2) menghendaki yang Perintah meminda Jadual ini dibentangkan di Dewan Rakyat, dan mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan dalam usul yang diluluskan oleh Dewan Rakyat. Perintah Menteri Kewangan meminda Jadual Pertama untuk meluaskan pemansuhan had \$500 ke Sabah dan Sarawak, dibentangkan sebagai Kertas Statute No. 56/75 dan persetujuan Dewan ini adalah dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengambil keputusan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 22, Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951, Perintah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pin-daan kepada Jadual Pertama), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Dewan sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 56 tahun 1975 disahkan dan akan mula berkuatkuasa pada 1hb Ogos, 1975.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1973, 1974 dan 1975)

Bacaan Kali Yang Kedua

5.00 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan-wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1973, 1974 dan 1975 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu di-baca kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi tiga Anggaran Tambahan iaitu Tambahan Keempat, 1973; Tambahan Ketiga 1974 dan Tambahan Pertama, 1975.

Fasal 2 Rang Undang-Undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$181,144,605 untuk membiayai perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi perkhidmatan tahun 1973.

Adalah wajar dinyatakan di sini bahawa Anggaran Belanjawan Mengurus Tambahan Keempat, 1973 telah diminta oleh Ajensi-ajensi yang berkenaan hanya selepas berakhirnya tahun kewangan 1973. Dalam tahun tersebut agensi-agensi yang berkenaan sedang melaksanakan berbagai keputusan dasar mengenai perubahan-perubahan gaji seperti Lapuran Sheikh Abdullah dan Lapuran Aziz, masing-masing untuk kakitangan angkatan tentera dan guru-guru. Butiran-butiran ini melibatkan perbelanjaan yang besar yang mana pembayarannya telah dianggap oleh Ajensi-Ajensi yang berkenaan akan mendapat kelulusan Perbendaharaan. Keterangan-keterangan lanjut mengenai tambahan ini boleh didapati dalam Memorandum Perbendaharaan yang telah dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 tahun 1975.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 Rang Undang-Undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$536,402,763 bagi perkhidmatan tahun 1974 untuk membiayai perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Rang Undang-Undang itu.

Perbelanjaan tambahan yang ditunjukkan dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1974 berjumlah \$625,893,935 dan ini termasuk \$89,491,172 yang bertanggung kepada Kumpulanwang Disatukan. Ini termasuk perbelanjaan bagi:

- (a) elaun bantuan khas dan pencen;
- (b) bonus;
- (c) pilihanraya umum tahun 1974;
- (d) rancangan subsidi baja urea;
- (e) Mardi;
- (f) kenaikan perbelanjaan atas perkhidmatan dan bekalan;
- (g) sebahagian pembayaran untuk "Armoured vehicles" ;
- (h) rancangan buku-buku teks;
- (i) pembayaran tunggakan dan gaji guru-guru di Sabah;
- (j) pemberian-pemberian berkanun kepada Negeri-negeri;

- (k) perkembangan perkhidmatan kesihatan dan rawatan pesakit;
- (l) pembelian kertas dan lain-lain perkakas alatulis.

Butir-butir perbelanjaan bagi pelbagai perkhidmatan ini ada diterangkan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 tahun 1975.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan mengemukakan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1975 yang menunjukkan perbelanjaan tambahan sebanyak \$279,849,257 yang melebihi peruntukan yang telah diluluskan dalam tahun 1975. Dari jumlah ini, sebanyak \$24,887,070 adalah bertanggung kepada Kumpulanwang Disatukan.

Perbelanjaan tambahan itu dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan berikut:

- (a) tunggakan dan gaji kakitangan berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Harun;
- (b) bonus dan elaun bantuan khas;
- (c) kenaikan harga barang-barang dan perkhidmatan;
- (d) sebahagian pembayaran kapal terbang, kapal dan kelengkapan untuk angkatan tentera;
- (e) Lembaga Pertubuhan Peladang;
- (f) rancangan buku-buku teks;
- (g) rancangan untuk menstabilkan harga getah;
- (h) gerakan keselamatan di Sarawak;
- (i) pembelian kertas dan lain-lain perkakas alatulis; dan
- (j) elaun kerja luar kakitangan di Jabatan Ukur.

Keterangan-keterangan lanjut mengenai Tambahan ini boleh didapati dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 tahun 1975.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN (1973, 1974, dan 1975)

5.08 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul berikut yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak \$230,180,230 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan dan dari jumlah ini \$60,705 ditangguhkan kepada akaun tahun 1973, \$148,930,555 kepada akaun tahun 1974 dan \$81,188,970 kepada akaun tahun 1975 dan bagi kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam penyata-penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17, 19 dan 21 tahun 1975 mengenai wang tambahan yang dikehendaki untuk tahun 1973, 1974, dan 1975, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam penyata ketiga-tiga Kertas Perintah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dirujuk kepada Jawatankuasa Majlis. Oleh kerana Usul ini meliputi tiga Anggaran Pembangunan Tambahan, saya bercadang hendak mengemukakan dahulu Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat, 1973 yang dibentangkan dalam Dewan ini sebagai Kertas Perintah 17 tahun 1975 dan diikuti dengan Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga, 1974 sebagai Kertas Perintah 19 tahun 1975 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama, 1975 sebagai Kertas Perintah 21 tahun 1975.

Anggaran Tambahan Keempat, 1973 menunjukkan perbelanjaan tambahan sebanyak \$60,705 adalah dikehendaki yang melebihi peruntukan yang telah diluluskan dalam Anggaran Pembangunan, 1973. Dari jumlah ini, tambahan sebanyak \$11,000 adalah dikehendaki bagi menyiapkan bangunan mahkamah baru di Ipoh; \$49,695 untuk pembinaan sebuah Kompleks bangunan di New

Delhi dan sebuah bangunan Canseri di Singapura oleh kerana peruntukan yang telah disediakan sebanyak \$1.9 juta telah didapati tidak mencukupi bagi membiayai kenaikan harga bahan-bahan bangunan. Satu peruntukan tanda \$10 adalah dikehendaki di bawah Kepala P. 14—Kementerian Pertanian dan Perikanan untuk meminda anggaran harga pecahan-pecahan 166—Perkembangan Kawasan-kawasan Padang Ragut dari \$250,000 kepada \$252,926.

Butir-butir selanjutnya mengenai tambahan ini ada diberikan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 tahun 1975.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan mengemukakan Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga, 1974, yang menunjukkan perbelanjaan tambahan sebanyak \$148,930,555 yang melebihi peruntukan yang telah diluluskan dalam Anggaran Pembangunan, 1974. Seperti yang dapat dilihat daripada Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 tahun 1975, sebahagian perbelanjaan yang besar ialah berkaitan dengan perbelanjaan pinjaman bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk membeli dua buah kapal kelapa sawit untuk Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad; pelaksanaan projek Pembinaan Limbungan Kapal di Johor Bahru dan untuk membeli bangunan di London bagi Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia, Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan dan Perbadanan Kemajuan Pelancungan. Kementerian Pertahanan memerlukan perbelanjaan tambahan untuk membeli kelengkapan pertahanan manakala Kementerian Kewangan memerlukan tambahan sebagai pinjaman untuk Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Sendirian Berhad untuk memajukan projek-projek perumahannya dan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk pembangunan Shah Alam.

Dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama, 1975, tambahan sebanyak \$81,188,970 adalah dikehendaki yang melebihi peruntukan yang telah diluluskan bagi tahun 1975. Dari jumlah ini, sebanyak \$29,752,750 telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka yang ditunjukkan di bawah Kepala P. 67—Luar Jangka di dalam Anggaran Pembangunan, 1975 dan ini termasuk 3 peruntukan tanda sebanyak \$10 tiap-tiap satu. Tujuannya ialah untuk meminda

jumlah anggaran harga projek-projek yang berkenaan, mewujudkan pecahan-pecahan-kepala baru, jika perlu dan untuk mengadakan peruntukan bagi pecahan-pecahan-kepala yang sedia ada tetapi wang tidak diperuntukkan dalam Anggaran asal. Peruntukan yang diperlukan bagi peruntukan-peruntukan tanda itu boleh diperolehi dari wang simpanan dalam Kepala itu manakala yang lainnya adalah perlu untuk mendapatkan peruntukan tambahan melalui Anggaran Tambahan. Keterangan-keterangan lanjut mengenai tambahan ini ada diberikan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 tahun 1975.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.16 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada buat kajian dahulu di mana Rang Undang-undang Supplementary ini begitu complex dan kepada Ahli-ahli Parlimen adalah sangat sukar untuk berbincang oleh kerana ada 6 supplementary berlainan yang dicampur dalam satu perbincangan dan saya sendiri rasa sangat complicated dan complex.

Saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) The Government is asking for six supplementary votes which in total come to some \$1,400,000,000 and this is made up of the following:

The fourth 1973 Supplementary Operating Expenses of \$215,000,000;

The fourth 1973 Supplementary Development Estimates of \$60,000;

The third 1974 Supplementary Operating Expenses of \$625,000,000;

The third 1974 Development Supplementary of \$149,000,000;

The first 1975 Supplementary Operating Expenses of \$279,000,000;

The first 1975 Development Supplementary of \$81,000,000;

This is a colossal sum of money which represents some 20% of the total Annual Budget of the Government of both the Operating Expenditure and Development or Capital Expenditure. There is a great urgent need for the Government to exercise greater financial restraint and austerity in the expenditure of public funds to pare down expenditure and increase efficiency. I notice that this time the Government is lumping the separate Operating and Development Expenditures into one, unlike the past practice where each year's supplementary estimates were taken separately in different motions. The past practice is preferable as the lumping of six separate Command Papers in one debate is highly confusing, very complicated and I am sure when it comes to Committee Stage, it is going to prove a very difficult process for Members of Parliament to try to make contributions in this regard. Furthermore, more time is available to scrutinise and debate when the supplementary votes for each year are taken separately as in the past than when they are lumped together. I do hope that under this new practice—I do not see what virtues can commend it—ample time would be given to all Members who wish to give their views on this matter in view of the fact that three debates are being lumped into one.

What stands out from these 6 requests for additional votes is that the 1974 third supplementary requests both for operating expenditure and development estimates which come to about \$774,000,000 are very big sums. This must be the biggest supplementary vote ever requested in this House and is probably traceable to the spending spree which the Barisan Nasional embarked on during the 1974 General Elections campaign and the chickens have come home to roost. Another feature of the present six supplementary votes is the overwhelming preponderance of the emphasis on military expenditure at the expense of socio-economic developments in the country.

For instance, in the 1974 third Operating Expenses Supplementary Estimates \$231 million out of \$625 million requested, or close to 40% of the votes asked, goes to military and security expenditure. In the 1975 first Operating Expenses Supplementary Estimates \$132 million out of \$280 million asked for is for defence and security expenses, or 48% of the votes. It is clear that this over-emphasis on military and security expenditure

is a direct response of the Government to the post Indo-China developments despite public denials. It is the D.A.P.'s point of view that a grave error of judgement would be committed should the Government react to the developments of Indo-China largely on military and security angle, as reflected by the present batch of supplementary votes that are before the House. And this would also belie the assertion that the Malaysian Government does not subscribe to the "domino theory", that if one country in South-East Asia falls under Communist rule, the rest of the countries in South-East Asia will fall one after another in succession.

The domino theory must be repudiated not only in pronouncements and speeches by Government Ministers, but such repudiation must be reflected by Government's policies and allocation of funds for public expenditure. The domino theory should rightly be repudiated for it disregards the fact and reality that every South-East Asian country has an independent will of its own and is not blindly a victim of the logic of the domino theory. If another South-East Asian country should go communist after the communist successes in Indo-China, it will not be because of the operation of the domino theory but because of the failure of another South-East Asian country to provide a good, clean and honest Government and a just and equal society to unite the people in all fields of human endeavour. In other words, the fall will be because of internal factors rather than external influences. It is in this context that we wish to warn the Government policy makers to resist the temptation to spend in a colossal way in military expenditure but should instead concentrate more on winning the hearts and minds of all Malaysians, which the Malaysian Government is still a long way from achieving.

I know there are those in top Government circles who advocate even more military expenditure, but I hope good sense and counsel will prevail and that in the next year's Budget and the Third Malaysia Plan, military expenditure will take its suitable place but the socio-economic projects will out-distance other Governmental bidding of funds.

A look at the 1975 first Operating Expenses Supplementary Estimates show how lopsided is the order of Government

priorities. Thus, although low-cost housing for the poor has been a long-standing neglect by the Malaysian Government, there is no real awareness by the policy-makers of the need to embark on a dynamic crash programme to make up for this generation of neglect of low-cost housing although Ministers do make sympathetic noises about this problem, as their predecessors had done in the past.

In the 1975 first Supplementary Vote that is before us today, \$132 million is earmarked for defence and security, while a meagre \$524,000 is allocated for housing. In the 1975 first Supplementary Development Estimates, there is not a single cent of provision for housing. This is a gross oversight, especially when measured against the 1975 budgetary provision of only \$91 million as compared to \$1,407 million for security purposes, for instance.

Over the weekend, the Honourable Prime Minister announced that the Government would set up a \$10 million Revolving Fund to build houses for the poor. In view of the scale and magnitude of the problem, what is urgently needed as a start is not a \$10 million but a \$100 million Revolving Fund to build houses for the poor. Furthermore, from past experiences, it is no guarantee that the Government's low-cost houses built by public funds is really low-cost and would help the poor. There is hardly any low-cost housing for the poor. If there are low-cost housing, meaning cheaper than the privately built houses, the beneficiaries are not the poor but friends and relatives of the party officials of the ruling party. This applies all over the country and explains why, for instance, in Pulau Sebang, Government's low-cost housing projects are allocated to persons who draw four-figure salaries a month. If the Government's low-cost housing projects are meant to build houses slightly cheaper than private developers and to benefit the well-to-do and the well-placed, then all the public funds would go to naught and would be a great waste instead. The N.B.I. (National Bureau of Investigations) must investigate into all such misuse and abuse of public funds on the allocation of public housing units to those who do not deserve them. But unfortunately the N.B.I. seems to be powerless to act against powerful politicians and is confined only to the arrest of small fries.

Instead of increasing military expenditure, it would be more productive to increase, for instance, educational expenditure, to ensure that every Malaysian enjoys equal educational opportunity, which is a grave omission in Malaysia. Grave injustices such as brilliant, Malaysian students who score four or five distinctions in Higher School Certificate Examinations in Singapore but are denied places in Malaysian universities will do more to destabilise Malaysia than the spending of large sums of money on military hardware could stabilise Malaysian society. For instance, this year alone, 64,000 students have been turned away from the portals of the universities although they possess the qualifications, and there are no provisions as to how they can be made and trained to become useful citizens and in time they are going to become unemployed and unemployable. This would become more destabilising as well than the great investment of funds on military hardware. I would, therefore, conclude by urging the Government that in all allocation of public funds the right priorities should be given and that socio-economic projects should rate and out-distance all expenditure concerning defence.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap, Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

5.27 ptg.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak rakan saya Menteri Kewangan, kita di dalam masa perbincangan atas Titah Diraja sudah pun memberitahu kepada Dewan ini tentang rancangan-rancangan yang ada pada masa sekarang dan pada masa akan datang. Begitu juga apabila rakan saya membentangkan usul ini, beliau pun sudah memberi keterangan. Jadi saya tidak payah mengulangi lagi. Saya minta Dewan ini meluluskan Rang Undang-undang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak \$230,180,230 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan dan dari jumlah ini \$60,705 ditanggungkan kepada akaun tahun 1973, \$148,930,555 kepada akaun tahun 1974 dan \$81,188,970 kepada akaun tahun 1975 dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam penyata-penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17, 19 dan 21 Tahun 1975 masing-masing mengenai wang tambahan yang dikehendaki untuk tahun 1973, 1974 dan 1975, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala dalam penyata ketiga-tiga Kertas Perintah itu.

Majlis Mesyuarat sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Untuk panduan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa sebagaimana yang tercatat dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, ianya ada tiga Jadual. Jadual Pertama, ialah untuk Tambahan Perbelanjaan bagi tahun 1973; Jadual Kedua, untuk Perbelanjaan bagi tahun 1974, dan Jadual Ketiga, ialah untuk Tambahan Perbelanjaan bagi tahun 1975. Dan berkenaan dengan Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pembangunan, ada tiga kertas perintah iaitu Kertas Perintah 17, 19 dan 21.

Untuk menyegera dan melicinkan perbahasan, saya bercadang hendak menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat berucap dalam Jawatankuasa yang meliputi kedua-duanya sebagaimana yang kita telah buat dan mengikut Peraturan Tetap kita, kedua-dua Anggaran Perbelanjaan Mengurus iaitu sebagaimana dalam Rang Undang-undang dan juga bagi Perbelanjaan Tambahan Pembangunan, dan saya akan menyeru dan menjemput bagi pihak Kerajaan mengemukakan Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementerianya.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini ditangguhkan sekarang.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN TANGGUHAN

(1) Perpustakaan di Kawasan Perkampungan

5.33 ptg.

Tuan Lim Cho Hock (Ipoh): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, it is sad to note that the Government has failed to give sufficient attention to one particular aspect of education in our country. We may have a lot of schools and a lot of teachers, but if we examine our school system, we will be able to find out that most of our schools do not have libraries of their own and those very few that have libraries do not stuff their libraries with sufficient books. Our school children must be encouraged to take up the habit of reading and acquiring knowledge of their own besides the normal teaching hours. Libraries must be given their due place in our school system. I hope the Government will look into this matter.

Furthermore, I would venture to suggest to the Government to set up free public libraries particularly in small towns and rural areas for the benefit of the people. The quality of life of the people will be enhanced if the people are able to satisfy their intellectual pursuit. As everyone is aware the price of books has lately gone up many folds and books have become luxury items and are beyond the reach of the great majority of our people. Libraries will not only provide an extra form of recreation but will also act as a diversion for our idle youths. When our young people have nothing to do, they invariably turn to gambling, taking of drugs and other forms of vice. Perhaps the lack of library facilities in our country has led our youths to a life of crime and drug taking.

Indeed our various Government departments like the Land Office, District Office, etc. should also be assisted by the Government in setting up libraries of their own. The Government should launch a campaign and provide sufficient funds to carry out the task of library-building in our country. Education and knowledge is the key to success in almost every field of endeavour.

5.35 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat iaitu penubuhan Perpustakaan Awam di pekan-pekan dan kampung-kampung adalah satu perkara Negeri (State matter). Kerajaan Pusat melalui Perpustakaan Negara bersedia memberi kepada pihak berkuasa pada peringkat Negeri semua pertolongan dan nasihat yang perlu dalam perkara ini. Bagi tujuan ini Kerajaan Persekutuan telahpun memperuntukkan setengah juta ringgit di bawah Rancangan Malaysia Kedua untuk menggalakkan penubuhan Perpustakaan Awam pada peringkat Negeri. Setakat ini sumbangan kewangan telahpun diberi kepada 5 buah Negeri di Semenanjung Malaysia.

Berkenaan dengan penubuhan perpustakaan-perpustakaan di sekolah-sekolah luar bandar, ini adalah satu perkara untuk pertimbangan Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun Perbadanan Perpustakaan Awam yang telah ditubuhkan di negeri-negeri tertentu boleh memberi kemudahan kepada sekolah-sekolah juga. Ingin juga saya menambahkan bahawa Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar di bawah rancangannya telah juga baharu-baharu ini menubuhkan beberapa perpustakaan di kawasan-kawasan luar bandar.

(2) Kematian Lim Seng Ching dan Siow Kon Fatt di Balai Polis

5.38 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, on 9th February, 1974 at about 3 in the morning in a small but peaceful town called Simpang Pertang in the District of Jelebu, Negri Sembilan, there had occurred an ugly and insane incident in the Police Station lock-up where two youths, namely, Lim Seng Ching and Siow Kon Fatt, were mysteriously wounded by gun shots during police interrogation.

Siow Kon Fatt died on the spot at the Police Station, while his friend, Lim Seng Ching, died three days later at Seremban Hospital in a coma. Both died because of almost identical gun-shot wound fired from very close range at their brains. The deceased were detained one day earlier by the Police at a road-block for an unknown offence, but definitely not a seizable one. The death of Lim and Siow while under police interrogation had not only shocked and angered the families and friends of the deceased but also the entire population of Simpang Pertang. They wanted to know the cause of the killing.

In their usual manner and style, the Police branded them as communists or anti-national elements—a term often used now by the Party in power for describing anything that cannot be explained or that is intended to hide, conceal and deceive members of the public. The Police even went to the extent of cooking up a story saying that the deceased had committed suicide, apparently trying to wash their blood-stained hands.

An inquest was subsequently held and eventually the truth of the ugly incident came to light. The Coroner's Court on 3rd December, 1974 rejected the D.P.P.'s submission on suicide and delivered an open verdict, confirming that the deceased could have been shot by a member or members of the Police personnel from very close range. Sir, isn't it not clear enough from the Coroner's verdict that it is not a simple case of suicide, but cold-blooded murder of two innocent youths by the Police at their custody. According to the mother of a deceased, she said that her son had just sold his crop harvest for a few thousand dollars and was carrying the money with him in the pocket before the Police interception at a road-block. The money had also gone, and so were their lives, and this took place at a police station. It is hard to believe. In order to let the House understand the pack of lies that the Police personnel had said during the Coroner's inquiry, let me quote a few lines from the summary of the Court's verdict:

"The more I read the depositions the more confused I become. Contradictions and discrepancies aside, the evidence of some of the witnesses, in particular, Deponent 4 (PC 21078 Ibrahim), Deponent 5 (ASP Syed Mumtaz) and Deponent 7 (CPL 4304 Omar) are, to say the least, against logic and beyond comprehension."

The verdict went on to say:

"To say that the wounds were self-inflicted, we have in evidence the revolver seized from Deponent 4 which was loaded with only six rounds of ammo. Four shots were fired there from the initial stage towards the fleeing PC (Deponent 4) and another shot much later on, thereby leaving only one round in the chamber. This was confirmed when the revolver was recovered and checked by Deponent 12 (ASP Mohd. Nor). If at all the wounds were self-inflicted, it could only be possible that they be inflicted by that one later shot with the deceased either standing or sitting side by side when firing that shot. If that were so, then the burnt marks could only be found on both. Finding of suicide in this case is at the entry wound of one of them and not on both. Finding of suicide in this case is therefore ruled out."

Sir, after the Court's verdict, the lawyer, who was holding watching-in-brief for the deceased family, Mr Yeap Ghim Guan, has on 2nd January, 1975 written a letter to the D.P.P.; a copy of his letter was also extended to the Attorney-General for further investigation of the killings. But I regret to say that though 6 months have lapsed, no action has been taken to go into the depth of the killings. Sir, where is the justice and the rule of law in this country? Justice must not only be done but must also be seen to be done. I condemn the Police act of murder of two innocent youths. I also condemn the D.P.P. for the delay to carry out the investigation in order to punish the culprits.

Taking this opportunity here, I call on the Minister responsible to immediately order a full inquiry and prosecute without favour persons responsible for the deaths of Lim Seng Ching and Siow Kon Fatt, to bring justice to the families of the deceased and to restore public confidence, if there is any, in our Police Force. If the Minister responsible is fair and impartial, it will be appropriate for him, in his reply, to give an assurance to this House that deaths of this nature shall not happen again to detainees during Police custody. If the Barisan Nasional Government is sensible and humane, it should consider compensation for the families of the deceased, although no amount of money can compensate the loss of lives of their beloved sons.

5.45 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab ucapan penangguhan Ahli Yang Berhormat itu, suka saya memberi sedikit keterangan mengenai kejadian itu.

Pada 8-2-1974 semasa membuat sekatan jalanraya di Balai Polis Simpang Pertang, pihak polis telah menahan dua orang lelaki China yang menonggang sebuah motorsikal, Penunggang ialah Thong Sim atau Siow Kon Fatt. Penumpang telah dikenali sebagai Leong Cheong atau Lim Seng Ching. Siasatan yang berikut menunjukkan bahawa Leong Cheong atau Lim Seng Ching mempunyai satu kad pengenalan palsu dan namanya yang sebenarnya ialah Lim Kee Seng. Semasa di dalam tahanan di Balai Polis tersebut kira-kira pukul 11.30 malam, mereka telah menyerbu mata-mata yang bertugas di situ dan merampas revolver yang mengandungi peluru dari anggota tersebut. Mata-mata itu telah dapat melepaskan dirinya dan lari keluar balai. Dia dapat memaklumkan perkara itu kepada sepasukan Polis yang baru sampai ke Balai Polis itu daripada Seremban. Seorang daripada mereka yang ditahan telah menembak ke arah mata-mata tersebut dengan senjata yang telah dirampasnya itu. Tembakkannya tidak kena mata-mata tersebut. Sebanyak empat tembakan telah dilepaskannya. Anggota-anggota Polis yang datang mengambil tempat perlindungan meminta kedua-dua orang itu menyerah diri tetapi tidak dihiraukan oleh mereka, malahan mencabar anggota-anggota Polis itu. Seorang daripada mereka telah ditembak oleh anggota Polis dan seterusnya anggota-anggota Polis itu telah menembak gas pemedih mata di dalam Balai itu. Berikutan dengan itu, satu tembakan telah didengar dari arah kedua-dua orang tahanan itu. Apabila gas pemedih mata telah hilang, anggota-anggota Polis telah masuk ke Balai dan menjumpai Lee Kim Seng cedera parah. Revolver bersama-sama dengan sebiji peluru di dalamnya telah dijumpai darinya. Dia telah dibawa ke hospital dan meninggal dunia pada 12-2-1974.

Siow Kon Fatt telah didapati mati dengan luka di kepalanya. Kemalangan ini sudah tentu tidak akan berlaku sekiranya kedua-dua orang tahanan itu tidak menyerbu mata-mata yang bertugas dan merampas revolvernya serta menggunakan revolver itu.

Selain daripada itu, mereka telah juga diberi peluang untuk menyerah diri tetapi mereka enggan dan sebaliknya telah mencabar pihak Polis.

Soal mengenai menentukan supaya kejadian seperti itu tidak berulang lagi di mana-mana Balai Polis adalah tidak timbul sedikit juapun. Semua anggota-anggota Pasukan Polis telah diberi latihan yang cukup dan di atas syarat-syarat penggunaan senjataapi.

Berkenaan dengan cadangan supaya satu inquiry perlu diadakan dan pembayaran ganti rugi ataupun pampasan itu diberi kepada keluarga-keluarga simati, pertimbangan telahpun dibuat dan memandangkan kepada apa yang telah berlaku itu, satu inquest telahpun diadakan maka keputusannya tidak akan mengadakan inquiry tersebut ataupun memberi sebarang sagu hati.

Dengan sebab kata Ahli Yang Berhormat tadi ada lawyer holding watching-in-brief bagi pihak simati itu sekiranya mereka tidak puas hati berkenaan dengan apa yang saya sebutkan atau keputusan dalam inquest itu maka terbuka pada pihak warisnya mengadakan lawyer atau dengan sendirinya mendakwa pihak Polis bagi ganti rugi atau dibuat civil claim kepada pihak Kerajaan dan perkara itu akan diputuskan oleh mahkamah dengan adilnya samada Kerajaan kena membayar ataupun pembunuhan itu justified. Itu terpulang kepada mahkamah kerana tidak ada halangan langsung kalau mereka itu hendak membawa civil claim kepada pihak Kerajaan.

Ini yang saya terangkan daripada apa yang betul berlaku dari segi pihak Polis dan dari segi pihak Kerajaan. Apa yang diterangkan tadi ialah oleh pihak Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat di sini membuat tuduhan berat mengatakan Polis ini menjalankan kerja cold-blooded murder. Pada hal kita sedar Polis telah menjaga keamanan negeri ini, telah bertahun-tahun, adakah berlaku cold-blooded murder. Kataanya di mana-mana orang-orang yang telah ditahan oleh Polis tidak pernah berlaku, cuma incident di sini yang berlaku, iaitu sebagaimana yang disebutkan pada hari ini dan kenyataannya ada di dalamnya. Kalau sekiranya Polis menjadi cold-blooded murder tentu berlaku bukan di satu tempat. Padahal saya tidak dengar pihak Pembangkang menyatakan pihak yang jahat juga yang cold-blooded murder kepada pihak Polis. Pihak

Polis menggadai nyawa keamanan negara kita, tetapi incident yang berlaku sebagaimana yang saya terangkan ini mengatakan pihak Polis tidak menjalankan kerja dan tanggungjawabnya dan menjalankan cold-blooded murder adalah satu tuduhan yang berat yang pihak Polis tidak akan boleh menerima tuduhan yang semacam itu daripada Ahli Yang Berhormat. Kita patut berhutang budi kepada pihak Polis yang telah mengorbankan jiwanya dengan seberapa banyak untuk menjaga keamanan negeri ini.

Itulah yang dapat saya terang dan jawabkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.03 petang.